

## APENDIKS A

Amanat Mohd Asri Muda Kepada Ahli-Ahli PAS Tatkala

Memangku Jawatan Yang Dipertua Agung PAS Buat Kali Pertamanya

Lima belas tahun yang silam, Persatuan Islam Se-Tanah Melayu telah mencetuskan api perjuangannya. Dari dian yang kerdil dia telah cuba menyinarkan cahayanya menjadi lampu dan obor dalam perjuangan menegakkan cita-cita politik Islam dan mempertahankan hak ketuanan bangsa Melayu di atas bumi tanah airnya.

Sejarah telah berkata bahawa perjuangan PAS itu sekurang-kurangnya menjadi saksi bahawa di Tanah Melayu ini masih ada golongan yang meyakini Islam sebagai ideologi politik dan yang meyakini bahawa Tanah Melayu adalah hak kepunyaan bangsa Melayu. Golongan ini yang dilambangi oleh PAS menyalakan pelita perjuangannya walaupun angin sekelilingnya bertiup menderu-deru dengan deras dan kencangnya.

Kaedah yang umum dalam mana-mana perjuangan mengatakan bahawa apa yang kita dapat hanya sekadar yang kita usahakan. Jika kita nak dapat lebih maka kita mesti berusaha lebih.

Apa yang didapat oleh PAS setelah berjuang selama lima belas tahun adalah manifestasi dari apa yang sanggup diusahakan oleh PAS itu sendiri. Kita tidak usah berkecil hati kepada mana-mana pihak jika kita beroleh hanya sedikit kerana kita insaf kita baru berusaha hanya sedikit. Sebagai pejuang yang jujur, hal itu mesti kita akui.

Oleh yang demikian, jika kita ingin menengok perkembangan PAS yang hebat daripada yang sudah-sudah, mari kita gembleng semangat kita lebih berkobar-kobar, mari kita perhebat usaha kita dengan lebih dinamik, mari kita akui bahawa di masa yang lepas telah banyak kecuaian kita lakukan.

Saya mengharapkan hubungan yang lebih mesra dan susunan yang lebih teratur di antara Pejabat Agung dengan cawangan-cawangan dan di antara cawangan-cawangan dengan ranting-ranting, begitupun kedudukan Dewan-Dewan Ulama', Pemuda dan Muslimat perlu lebih diperkemaskan, justeru setelah kita digoncang oleh ujian-ujian sejarah yang kita harap dapat menjadikan iman kita bertambah terhadap kebenaran cita-cita perjuangan parti kita.

Atas berlangsungnya Mesyuarat Agung PAS Yang Ketiga Belas di Kelantan, saya bagi pihak Pejabat Agung menyatakan penghargaan kepada PAS Negeri Kelantan yang dengan segala ketulusan telah sanggup memikul tugas yang agung itu. Moga-moga roh perubahan dan semangat bekerja yang lebih giat dalam kalangan PAS akan dapat diilhami oleh mesyuarat agung ini dan moga-moga Tuhan akan lebih meneguhkan hati dan keyakinan kita dalam berjuang (ke arah agama Allah Yang Maha Tinggi).

(Sumber: Kata-kata aluan Pemangku Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, dlm. Cenderamata Pembukaan Bangunan PAS Kelantan dan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-13 di Dewan Zulkiflee Muhammad, Bangunan PAS Kelantan, Kota Bharu, Kelantan, pada 20 dan 21 April 1965. Hlm. 1)

hendak melantik pemimpin-pemimpin UMNO dari Pusat, Kelantan, Terengganu dan Kedah untuk menjadi ahli-ahli jawatankuasa penyelaras itu.

Dalam mencapai persetujuan itu, saya suka menerangkan bahawa kita sebagai parti yang besar yang memegang tampuk kerajaan sekarang mustahaklah bertimbang rasa dan bermurah hati sedikit memandang kepada kepentingan bangsa dan negara pada masa akan datang. Saya yakin, dengan izin Tuhan, apabila konsep kerajaan campuran telah dipersetujui, maka perpaduan di kalangan orang-orang Melayu akan bertambah kuat dan meluas dan ini akan membawa kepada kestabilan, kemajuan dan kemakmuran rakyat dan negara. Kesan atau *impact* kerajaan campuran sudah tentu adalah sangat baik di kalangan bangsa kita yang akan memberi kita semua lebih keyakinan dan tekad baru dalam perjuangan kita sekarang dan pada masa akan datang.

Dengan terlaksananya konsep percampuran tadi, maka tidaklah lagi ada pertentangan antara sesama kita dan terpulanglah kepada kejujuran serta keikhlasan kedua-dua pihak menghormati persetujuan itu serta bersama-sama mentadbirkan negara untuk kemajuan dan kebahagiaan rakyat.

Saudara-saudara,

Selain dari persetujuan di atas, baiklah saya terangkan juga kedudukan mengenai kerusi-kerusi pilihan raya yang jatuh kosong dan cara penyelesaiannya. Bagi tempoh pilihan raya yang berjalan sekarang, kerusi yang dipegang oleh Perikatan tidak akan dipertandingkan dengan PAS dan begitu juga bagi kerusi yang dipegang oleh PAS kita tidak bertanding. Jadi, Kawasan Parlimen Kuala Kedah yang dikosongkan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj tidak akan dipertandingkan oleh PAS. Sebaliknya,

masih boleh melangkah dan bergerak, maka kita terimalah ianya sebagai satu kenyataan walaupun pahit.

Menginsafi kedudukan kita yang penuh cabaran ini, satu perkara yang sangat saya harapkan kepada ahli-ahli PAS sekalian iaitu janganlah dirasakan suasana yang wujud ini terlalu amat gawat dan mencemaskan, sebab, kalau perasaan kegawatan itu timbul dalam kalangan kita, ianya mungkin akan mengendurkan semangat dan mengakibatkan kekacauan dalam berfikir dan kekakuan dalam bertindak.

Dengan dada yang penuh harapan ini, saya sebagai Pemangku Yang Dipertua Agung PAS merasakan bahawa kongres kita kali ini adalah satu kongres yang maha penting dalam sejarah perjuangan parti kita. Saya katakan maha penting kerana, dengan adanya kongres ini, kita akan kembali beroleh pedoman dan panduan dalam usaha meneruskan perjuangan kepartian. Dengan adanya kongres ini, kita juga berpeluang berdialog sesama kita secara luas bagi mencari jalan keluar daripada segala keteliduran kita di masa-masa yang lampau, sama ada di bidang organisasi atau di bidang kecergasan lainnya.

Perkembangan politik tanah air di masa yang akhir-akhir ini menimbulkan masalah-masalah baru yang berupa cabaran-cabaran yang tidak akan dapat kita hadapi kecuali dengan dada yang lapang dan semangat berjuang yang terus bernyala. Sebagai Muslim yang (me)yakin(i) bahawa perjuangan politik yang kita jalankan ini sebahagian daripada *ubudiyyah* kita kepada Tuhan, *insya'Allah*, iman kita akan bertambah kukuh dengan dugaan-dugaan yang kian bertambah banyak itu, sebab kita tahu (bahawa) sepanjang sejarah tidak pernah keimanan seseorang Muslim tidak menerima ujian

dari(pada) Allah. Sebagai pencinta tanah air dalam satu negara yang pemerintahannya bercorak demokrasi berparlimen, adalah menjadi tanggungjawab kita memperjuangkan aqidah politik yang dalam keyakinan kita paling baik daripada semua aqidah dalam dunia ini dalam cita-cita menyelamat dan menyentosakan negara dan bangsa.

Dengan mengambil ingatan kepada perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu, marilah kita berkongres dengan hati yang lapang dan fikiran yang terbuka. Sama-sama lah kita mencari perbaikan bagi kemajuan parti kita melalui perbincangan-perbincangan dan perbahasan-perbahasan yang berterus-terang sesama kita. Jika di antara kita tersimpul tali persefahaman dalam tujuan sama-sama hendak mewujudkan kekuatan parti dan melancarkan program perjuangannya, saya yakin benar PAS akan mempunyai hari depannya yang baik. Ingatlah bahawa walaupun bilangan ahli-ahli PAS hanya puluhan ribu sahaja tetapi penyokong-penyokong dan simpatisan-simpatisannya di seluruh tanah air berjumlah lebih daripada setengah *million* manusia. Setengah *million* penyokong ini adalah modal dalam kelanjutan perjuangan kita. Dewasalah dalam cara berfikir dan bertindak selaras dengan kedewasaan parti kita dalam perjuangan politik.

Saya serukan agar para perwakilan dari cawangan-cawangan di seluruh tanah air akan menyertai Kongres PAS Yang Ke-17 ini dengan penuh kesungguhan mengambil bahagian berbahas dan mengemukakan cadangan-cadangan yang membina dan saya doakan mogamoga apa yang kita harapkan dengan kongres ini akan beroleh *taufiq* dan *hidayah* daripada Allah.

Saya dengan kesempatan ini bagi pihak Jawatankuasa Agung mengucapkan ribuan terima kasih kepada PAS Negeri Selangor yang dengan penuh tanggungjawab

telah sanggup memikul tugas sebagai tuan rumah untuk kongres. Begitu juga kepada anggota-anggota panitia kongres dan kepada saudara-saudara yang menyelenggarakan penerbitan cenderamata kongres ini, saya menyatakan penghargaan dengan iringan terima kasih.

Akhirnya, kepada Allah kita berserah dan kepada-Nya juga kita memohon *inayah*.

(Sumber: Kata-kata aluan Pemangku Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, dlm. Cenderamata Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 Di Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, Pada 18, 19 Dan 20 Jun 1971. Hlm. 8-9)

## APENDIKS C

Alasan-Alasan Yang Digunakan Oleh Para Pemimpin UMNO

Untuk Memasukkan PAS Ke Dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS

Saudara-saudara,

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada saudara-saudara sekalian, terutama mereka yang datang dari jauh, khasnya pemimpin-pemimpin UMNO dari tempat-tempat yang dilanda banjir, untuk menghadiri Perjumpaan Khas Ketua-Ketua UMNO yang bersejarah pada pagi ini. Sesungguhnya perjumpaan hari ini mempunyai makna yang besar, bukan saja kepada parti kita UMNO, bahkan juga kepada perkembangan politik tanah air yang mana parti kita adalah pelopor utama semenjak 26 tahun dahulu.

Perhimpunan ini membuka lembaran baru dalam sejarah politik dan perpaduan angsa Melayu, menguatkan lagi solidariti kebangsaan dan harmoni antara bangsa di Malaysia ini. Ia juga memberi sumbangan kepada pembangunan negara dalam konteks yang lebih besar dan luas.

Seperti yang saudara-saudara sedia maklum, tujuan kita berhimpun di sini hari ini ialah untuk memberi kesempatan kepada saya menerangkan konsep dan implikasi pembentukan kerajaan campuran antara parti kita dengan Parti Islam atau PAS bagi timbangan dan penerimaan saudara-saudara sekalian.

Konsep kerajaan campuran ini adalah merupakan satu langkah lagi ke hadapan bagi melaksanakan hasrat National Front atau Barisan Kebangsaan bagi menjamin kejayaan perpaduan rakyat serta pembangunan ekonomi dan masyarakat yang lebih adil, kuat dan mewah di negara kita ini.

Saudara-saudara tentulah masih ingat iaitu kemungkinan membentuk kerjasama untuk kerajaan campuran dengan PAS ini telah pun saya bayangkan dalam Persidangan Agung UMNO bulan Jun lalu berdasarkan pada hakikat kejayaan parti sahabat kita, Parti Bumiputra di Sarawak, dengan SUPP, dan selepas itu Parti Perikatan dengan Parti Gerakan di Pulau Pinang. Kemudian dari itu kita telah maju setapak lagi dalam usaha ini dengan tercapainya persetujuan mengadakan kerajaan campuran bersama Parti Progresif Rakyat di Perak.

Oleh kerana tidak ada sebarang bangkangan terhadap gagasan itu, malahan para perwakilan UMNO telah memberi tepuk-sorak yang gemuruh, maka ini dengan sendirinya memberi dorongan dan semangat kepada saya serta rakan-rakan saya dalam Majlis Kerja Tertinggi untuk meneruskan usaha-usaha itu.

Syukur *alhamdulillah*, berkat kebenaran kita dan kejujuran perjuangan parti kita, usaha yang baik ini telah mendapat sambutan dari pihak PAS. Saya beserta Tun Dr Ismail telah mengadakan pertemuan pertama dengan pemimpin-pemimpin PAS pada bulan September, sejurus sebelum saya memulakan lawatan rasmi ke Eropah Timur. Dalam perundingan yang diadakan secara ikhlas, terbuka dan mesra itu, jelas nampaknya tidak ada perbezaan tentang matlamat perjuangan kita dan apa yang diperjuangkan oleh

PAS. Hasil perundingan pertama itu mencapai persetujuan pada dasarnya untuk mengadakan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS.

Di sini saya sukalah mengulangi apa yang saya rasakan satu kejayaan besar bagi kita, bagi UMNO khasnya, apabila Parti Islam memberikan sokongannya kepada Pindaan Perlembagaan Negara dan seterusnya kepada Dasar Ekonomi Baru kerajaan semasa sidang-sidang Parlimen tahun 1971 dahulu. Titik persefahaman tentang masalah-masalah penting menghadapi bangsa dan negara telah wujud semenjak masa itu.

Barangkali baik juga saya terangkan bahawa, dalam perundingan itu, pihak PAS menegaskan keutamaan kepada memelihara kebesaran agama Islam dan usaha melaksanakan dasar kerajaan untuk meninggikan martabat Islam. Dalam hal ini, saudara-saudara sedia maklum bahawa Kerajaan Perikatan telah pun dan sedang mengambil dan menjalankan segala langkah dan usaha untuk meninggikan dan mendaulatkan agama Islam di negara kita ini dalam berbagai bentuk dan cara. Saya rasa tidaklah perlu saya butirkan satu per satu, namun memang banyak bukti yang ada di depan mata seperti masjid-masjid dan surau-surau baru, sekolah-sekolah agama, gerakan dakwah, pelajaran tinggi Islam dan di samping itu usaha yang menjadi(kan) nama negara Malaysia terkenal dan harum di seluruh negara Islam, iaitu pertandingan membaca al-Qur'an selama 14 tahun. Segala ini adalah hakikat yang sebenarnya.

Begitu juga dalam lapangan memperbaiki akhlak dan membersihkan rohani, kita sentiasa menjalankan apa-apa jua usaha yang patut. Di dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan, kita sentiasa menerangkan iaitu sambil mengejar kemajuan jasmani dan kebendaan, kita serentak bersama-sama menggalakkan kemajuan rohani.

Saudara-saudara,

Dalam perundingan-perundingan selanjutnya dengan pemimpin-pemimpin PAS, kita telah pun dapat persetujuan *detail* mengenai bentuk kerajaan campuran yang akan dilaksanakan itu. Saya ingin mengumumkan di sini bahawa konsep kerajaan campuran itu dilaksanakan pada kedua-dua peringkat negeri dan pusat, yang bermakna bahawa Parti Islam akan menjadi anggota kerajaan. YAB Dato' Haji Mohd Asri, Presiden PAS dan Menteri Besar Kelantan, telah bersetuju memasuki kabinet sebagai menteri kerajaan dan beliau akan diberi sebuah kementerian yang sesuai yang akan saya umumkan serentak dengan perubahan kabinet sebelum akhir tahun ini, iaitu pada 28 Disember 1972 ini. Di samping itu, seorang anggota PAS akan dilantik menjadi Setiausaha Parlimen.

Pada peringkat negeri pula, telah pun dipersetujui bahawa Perikatan akan mendapat dua kerusi EXCO di Kelantan dan sebaliknya PAS akan mendapat dua kerusi EXCO di Terengganu dan Kedah.

Selain dari itu, kita juga telah bersetuju untuk menimbangkan perlantikan pemimpin-pemimpin dari PAS yang berkelayakan dan munasabah untuk menjadi anggota-anggota jawatankuasa-jawatankuasa, lembaga-lembaga dan badan-badan berkanun. Pihak PAS juga telah bersetuju untuk menimbangkan perlantikan pemimpin-pemimpin UMNO di Kelantan untuk menjadi anggota-anggota jawatankuasa-jawatankuasa, lembaga-lembaga dan badan-badan berkanun dalam negeri itu.

Sebuah jawatankuasa penyelaras akan juga ditubuhkan yang anggotanya terdiri sama banyak di antara PAS dengan kita, Perikatan. Bagi pihak kita, saya bercadang

hendak melantik pemimpin-pemimpin UMNO dari Pusat, Kelantan, Terengganu dan Kedah untuk menjadi ahli-ahli jawatankuasa penyelaras itu.

Dalam mencapai persetujuan itu, saya suka menerangkan bahawa kita sebagai parti yang besar yang memegang tampuk kerajaan sekarang mustahaklah bertimbang rasa dan bermurah hati sedikit memandang kepada kepentingan bangsa dan negara pada masa akan datang. Saya yakin, dengan izin Tuhan, apabila konsep kerajaan campuran telah dipersetujui, maka perpaduan di kalangan orang-orang Melayu akan bertambah kuat dan meluas dan ini akan membawa kepada kestabilan, kemajuan dan kemakmuran rakyat dan negara. Kesan atau *impact* kerajaan campuran sudah tentu adalah sangat baik di kalangan bangsa kita yang akan memberi kita semua lebih keyakinan dan tekad baru dalam perjuangan kita sekarang dan pada masa akan datang.

Dengan terlaksananya konsep percampuran tadi, maka tidaklah lagi ada pertentangan antara sesama kita dan terpulanglah kepada kejujuran serta keikhlasan kedua-dua pihak menghormati persetujuan itu serta bersama-sama mentadbirkan negara untuk kemajuan dan kebahagiaan rakyat.

Saudara-saudara,

Selain dari persetujuan di atas, baiklah saya terangkan juga kedudukan mengenai kerusi-kerusi pilihan raya yang jatuh kosong dan cara penyelesaiannya. Bagi tempoh pilihan raya yang berjalan sekarang, kerusi yang dipegang oleh Perikatan tidak akan dipertandingkan dengan PAS dan begitu juga bagi kerusi yang dipegang oleh PAS kita tidak bertanding. Jadi, Kawasan Parlimen Kuala Kedah yang dikosongkan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj tidak akan dipertandingkan oleh PAS. Sebaliknya,

Kawasan Pilihan Raya Negeri Kota Bharu Tengah yang akan dikosongkan oleh Dato' Asri kita tidak akan meletakkan calon. Ini bolehlah dianggap sebagai ujian pertama persetujuan konsep kerajaan campuran yang sama-sama dicapai itu. Berkenaan kawasan-kawasan yang dimenangi oleh PAS pada tahun 1969 tetapi anggota-anggota atau wakil-wakil rakyatnya telah masuk UMNO, jika ada pilihan raya kecil, maka penentuan calon akan dirundingkan.

Seterusnya, kawasan pilihan raya parti lain yang jatuh kosong akan dirunding dan dipertimbangkan menurut keadaan sama ada akan dipertandingkan oleh Perikatan atau PAS. Tidak ada persetujuan yang dibuat mengenai kedudukan pilihan raya umum yang akan datang dan ini hanya akan dirundingkan apabila tiba masanya kelak.

Saudara-saudara,

Itulah butir-butir besar berkenaan konsep kerajaan campuran yang telah dipersetujui oleh kedua belah pihak bagi melahirkan sifat Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di semua peringkat yang dirasakan munasabah dan memuaskan kedua-dua pihak. Saya percaya saudara-saudara bersetuju dengan saya, Tun Dr Ismail dan pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO yang lain bahawa butir-butir persetujuan ini adalah adil dan saksama kepada kita dan juga PAS.

Dalam pada itu, patut juga saya mengingatkan bahawa parti kita UMNO dan Perikatan adalah sebuah parti yang teragung dan terkuat sekali dalam negara kita dan dasar parti kita tidak berubah dengan wujudnya Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini. Bagi melahirkan kerajaan campuran ini, PAS telah dengan secara langsung menerima konsep dan dasar perjuangan UMNO dan Kerajaan Perikatan kerana, kalau tidak,

masakan ia mahu bekerjasama, apa lagi masuk berkongsi dengan kita memerintah Malaysia dan negeri-negeri Kelantan, Kedah dan Terengganu.

Saudara-saudara,

Sekianlah penjelasan yang ingin saya sampaikan mengenai konsep kerajaan campuran dan butir-butir persetujuan yang telah dicapai. Saya berterima kasih kepada YAB Dato' Asri dan rakannya atas semangat kejujuran dan pengertian yang ditunjukkan oleh mereka dalam beberapa perundingan yang berlangsung antara pihak PAS dengan Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr Ismail, dan saya. Kita semua berharap semangat ini akan sentiasa dikekalkan oleh kedua-dua pihak supaya perlaksanaan kerajaan campuran ini berjalan dengan teratur dan sempurna bagi kebaikan bangsa, agama dan tanah air kita Malaysia yang dicintai. Kita telah fikir habis-habisan dan semasak-masaknya dan mendapati bahawa inilah, menerusi kerajaan campuran ini, satu-satunya jalan keluar bagi memecahkan pertelingkahan tidak persefahaman politik di kalangan bangsa kita selama ini.

Kita mengetahui juga iaitu konsep kerajaan campuran ini telah dibincangkan dengan hangatnya dalam Kongres PAS yang berlangsung sehari suntuk semalam, tetapi syukur kita bahawa pihak Dato' Asri dan penyokong-penyokong konsep ini telah mendapat kemenangan undi yang agak besar. Dalam masa pihak kita dan pihak PAS menimbangkan perkara ini, kita dapati ada pihak-pihak dan golongan-golongan, sama ada dalam negeri dan juga luar negeri, yang menjalankan hasutan-hasutan terhadap pihak PAS khasnya dan cuba campur tangan dengan tujuan yang tertentu supaya menentang konsep kerajaan campuran. Kita faham ada negara-negara luar yang tak suka parti dan

kerajaan kita kuat kerana mereka bimbang yang mereka itu tak boleh mempengaruhi kita.

Saya suka menegaskan di hadapan saudara-saudara sekalian (bahawa) kerajaan yang saya pimpin hari ini, dengan izin Tuhan, tidak akan dipengaruhi oleh mana-mana pihak, khasnya kuasa-kuasa luar. Kita akan menjalankan dasar berpandu semata-mata kepada kepentingan negara dan rakyat. Kita menjalankan tugas-tugas dengan iman yang kuat dan jiwa yang bersih.

Saudara-saudara,

Tugas yang kita hadapi untuk dua tiga tahun ke hadapan ini amatlah berat oleh kerana kita semua ingin mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam Rancangan Malaysia Kedua dengan seberapa penuh kejayaan. Dengan berlakunya kerajaan campuran ini maka kita semakin hampir kepada pembentukan National Front yang memberikan jaminan besar untuk keteguhan dan ketahanan negara. Marilah kita berdoa mudah-mudahan Allah memberkati segala usaha kita dan melindungi negara serta rakyat dari segala bencana.

Saya sedia memberi keterangan-keterangan yang lanjut jika ada soalan-soalan dari wakil-wakil.

Terima kasih.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri (1977). Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Hussein 1972. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri. Hlm. 427-432)

## APENDIKS D

Penyertaan Di Dalam Barisan Nasional Sebagai Satu Taktik Untuk PAS

Membuat 'Loncatan Senyap' Bagi Mencapai Matlamat Agungnya

PAS adalah sebuah organisasi Islam yang tunggal di Malaysia dan salah sebuah organisasi politik Islam di Timur Jauh yang bercita-cita untuk mendaulatkan risalah Islam yang maha benar ini dalam iklimnya yang khas. Ia dibentuk sesuai dengan inspirasi umat dan perjuangannya selari dengan dasar negara yang menghalalkan seluruh kegiatan secara ber(perlembagaan)...

Untuk mencapai cita-cita tersebut, PAS melangkah setapak demi setapak dengan, pertamanya, menyusun organisasi, keduanya, mengatur perancangan dan tindakan dalam berbagai bentuk, khususnya untuk mendapat kuasa politik dalam pilihan raya, (dan), ketiganya, sebagai sebuah parti politik, maka tumpuan jihadnya ialah untuk mencapai *sultotud-daulah*...

Dalam mencapai apa yang hendak kita capai, kita mestilah meneruskan perjuangan dan melanjutkan hidup dengan menentukan garis-garis yang akan ditempuh tanpa sebarang gundah dan khuatir atas segala halangan agar perjalanan organisasi kita tetap menuju ke arah matlamatnya dengan selicin dan sebaik mungkin. Garisan perjuangan itu pada dasarnya merupakan teori yang akan diikuti dengan amali. Kejayaan dari teori itu bergantung kepada sepintar dan segigih mana kita menyusuri garis teori itu.

Sebelum kita melangkah jauh mengenai asas teori dan amali yang berupaya membawa sesuatu perjuangan hingga mencapai kemenangan, sukalah kita menyinggung sedikit terhadap perkembangan-perkembangan organisasi-organisasi Islam di dunia dalam jatuh bangun mereka. Setengah-setengah pemimpin organisasi itu terdiri dari(pada) tokoh-tokoh yang sangat dikagumi oleh kawan dan lawan di timur dan di barat. Perjuangan mereka untuk mendapat kedudukan sebagai pemerintah, seperti dikehendaki oleh fardhu, masih belum tercapai. Setengahnya dilumpuhkan di pertengahan jalan, mereka mengharungi liku-liku sejarah perjuangan yang penuh penderitaan, pahit dan getir, hidup terseksa, terhimpit dan syahid.

Para perenung sejarah sering bertanya: Kenapa terjadi sedemikian rupa?

Kebanyakan pentafsir sejarah mendapat kesan dari semua peristiwa itu kepada dua penilaian. Pertama, demikianlah sifat dan bentuknya apa yang dinamakan jihad dalam perjuangan Islam: (Jihad itu berat, bukan suatu kerehatan, tetapi ia hanyalah satu jalan untuk mencapai cita-cita dan tujuan). Yang kedua, tentulah dalam liku-liku perjuangan itu ada kelemahan yang boleh dinilai dan dikaji oleh generasi pejuang di belakang. Kita menyentuh hal ini sebagai satu usaha untuk membuat satu observasi yang positif, semata-mata untuk dijadikan pengalaman berharga bagi dijadikan iktibar dari perjuangan Islam lain.

Di dalam al-Qur'an banyak kisah sejarah dibentangkan untuk menjadi panduan umat Muhammad (s.a.w.) dan kisah-kisah itu memenuhi fungsinya yang khusus dalam pembentukan umat yang besar dan bermakna. Kesimpulan-kesimpulan dari kejadian yang menimpa *ikhwan* kita yang terdahulu dari kita jelas memperlihatkan bahawa

pendakian mereka dalam perjuangan bila mana sampai kepada satu kemuncak tertentu kekuatan dan tenaga perimbangannya kadang-kadang dikalahkan oleh taufan yang mendarat. Akibatnya sering didapati sesuatu perjuangan yang dulunya dipelopori oleh kalimah luhur *Allahuakbar* berganti kemudiannya oleh slogan lain yang *non-Islam(ic)* yang didatangkan oleh golongan lain yang lazimnya berjuang dengan baju Islam (tetapi) hakikatnya mereka adalah musuh-musuh Islam.

Dan, bila sudah berkuasa, golongan memerintah itu menggunakan kuasanya menikam Islam, sama ada dari depan atau dari belakang, yang akhirnya membawa banyak korban kepada pemimpin-pemimpin Islam yang jujur dan gigih, ke tali gantung atau hilang tidak berkubur atau sebagainya.

Bagaimanapun, pengorbanan yang ditunjukkan oleh pejuang-pejuang Islam itu membuktikan bahawa perjuangan Islam adalah perjuangan positif, bukan negatif. Perjuangan Islam bukan mengharapkan pertolongan mendadak tanpa sebarang kerja keras.

Sayyid Qutb pernah menegaskan bahawa segala sesuatu yang mulia itu perlu diperjuangkan untuk ditegakkan. Malangnya, umat Islam yang 'mabuk' dengan kemuliaan agama dan kemukjizatannya leka dan hanya menunggu mukjizat itu berlaku dengan sendiri, padahal ia tidak boleh berlaku dengan sendiri tanpa diperjuangkan.

Betapa pun juga, Allah tetap Pengasih dan Penyayang, sentiasa menaburkan hikmah-Nya. Seringlah terjadi manakala barisan Islam itu lumpuh di sana, dengan tiba-

tiba muncul pula di sini. Kita melihat apabila penekanan berlaku di setengah negara Asia Barat terhadap Islam maka terpancarlah refleksinya ke tempat lain.

Adalah jelas bahawa bahana dari tekanan itu menjadikannya satu lompatan yang penuh misteri, terpancar ke seluruh Eropah, Amerika dan lain-lain kawasan dunia. Tokoh-tokoh dan anggota sebuah pertubuhan Islam yang terkenal, Ikhwanul Muslimin, bertebaran sehingga dalam suku kurun terakhir ini "Suara Islam" dengan kegiatannya terasa kesannya di mana-mana.

Bagaimana pun juga, perkembangan itu tidaklah bangkit dengan sendiri, tetapi dengan kerja keras para pemeluknya yang terdiri (daripada) putera-putera Muslim dari angkatan terdahulu dan juga generasi mudanya.

Bahang dari penekanan itu juga bergelombang memercik ke Timur Jauh sehingga menimbulkan fenomena baru dalam kehidupan umat Islam.

Dengan kehendak Allah juga, kekayaan (me)limpah di dunia Arab-Islam yang akhirnya mereka mampu menjadi kuasa pengimbang dalam menentukan ekonomi dunia. Martabat umat Islam juga mula secara dramatik kembali ke takhtanya dan dihormati semula apabila Perang 1973 berjaya memudarkan keangkuhan kaum Israel. Semuanya berlaku seolah-olah tanpa disangka-sangka. Itulah sunnah. Dan sunnah Allah itu tidak dapat sesiapa pun menggalang-gantinya.

Yang penting bagi umat Islam ialah mempergunakan segala peluang yang dianugerahkan Allah itu. Salah satu ajaran yang hebat dan *parallel* dengan syari'at 'jihad'

ialah dengan menentukan bahawa kepercayaan di hari kemudian itu sebagai salah satu rukun iman yang enam yang wajib diyakini oleh setiap Muslim. Di hari akhirat, kita akan ditanya segala aktiviti kita. Apa saja amalan, baik sekecil atom pun, akan diperlihatkan dan kejahatan, (baik) sebesar biji sawi (pun), akan ditimbangkan juga. Jika sudah sebeginu besar bantuan dan pertolongan Allah, lalu tidak juga kita ambil iktibar, maka tunggulah balasan dahsyat nanti.

Dalam hubungan teori dan amali perjuangan Islam dengan segala ruang lingkup *khittahnya*, baik sekali kita sentuh sepintas lalu mengenai satu perkara penting yang jarang kita amati berhubung dengan hukum-hukum perjuangan ideologi untuk dijadikan panduan dan bandingan dalam perjuangan kita.

Jika kita tinjau sejarah perjuangan ideologi di dunia, termasuk perjuangan menegakkan risalah Islamiah, dapatlah diambil kesimpulan bahawa kemenangan perjuangan berbagai ideologi itu ditentukan oleh beberapa faktor yang antara satu sama lain saling isi-mengisi dan lengkap-melengkapi.

Faktor yang pertama ialah ideologi yang terang. Ini adalah jelas, bahawasanya jika kita yakin sepenuhnya, baik secara *aqliyah* atau *rohaniah*, akan sesuatu ideologi itu dengan kejelasannya dan ke mana kita harus dan patut tujui, maka dengan sendirinya kita sedar sesungguhnya bahawa apa yang kita perjuangkan (adalah) sangat berharga. Sebab itu sesuatu ideologi itu hendaklah difahami segala permasalahannya supaya senang didakwahkan.

Jika sudah demikian jelas keadaannya, nescaya setiap yang saham dan *mafhum* itu akan mengorbankan harta benda dan nyawanya untuk memperjuang dan mempertahankan barang yang berharga itu dengan pengorbanan yang setinggi-tingginya.

Faktor yang kedua ialah potensi atau kekuatan yang cukup. Yang dimaksudkan dengan 'kekuatan yang cukup' di sini ialah kekuatan yang menentukan, iaitu kekuatan yang sebenar-benarnya yang boleh dikerahkan bila-bila masa dan dalam suasana mana saja. Kekuatan yang sebenar dan besar menentukan kemenangan dalam sesuatu perjuangan, baik dalam perperangan bersenjata dan lebih-lebih lagi dalam perjuangan ideologi atau politik yang sesungguhnya lebih hebat dan *complicated* yang tidak dapat diukur bila masa selesai (yang) berbeza sekali dengan perjuangan bersenjata.

Faktor yang ketiga ialah organisasi yang rapi. Termasuk dalam hukum organisasi yang rapi ini ialah pembentukan dan penguasaan (*command*) terhadap organisasi massa yang terbentuk dalam seluruh sektor masyarakat sesuai dengan status sosialnya dan pada kelompoknya.

(Faktor) yang terakhir ialah keampuhan dan ketepatan taktik dan strategi, yakni kepintaran kita mempergunakan masalah politik tertentu pada saat tertentu sebagai taktiknya. Adapun strateginya pula ialah kemampuan kita menggunakan masalah politik untuk mencapai rencana perjuangan dalam jangka waktu tertentu bagi mencapai *ultimate strategy* atau strategi agung yang kita berhempas-pulas untuk mencapainya.

Pendeknya, dalam perjuangan ideologi, strategi untuk jangka waktu yang tertentu (adalah) terdiri dari(pada) taktik (yang perlu digunakan) pada setiap saat (untuk)

menghadapi masalah politik tertentu, kerana itu taktik harus tunduk dan dikuasai oleh strategi.

Patut diingat bahawa strategi adalah tetap, (tetapi) taktik dapat berubah mengikut suasana dan keadaan. Contoh jelas dari taktik ialah penyertaan kita dalam Barisan Nasional. Ia merupakan satu taktik untuk menghadapi masalah politik semasa, sedangkan sebelumnya kita berada di kem pembangkang.

Sebelum kita memasuki kerajaan campuran, kita telah mempergunakan masalah politik, iaitu isu perpaduan rakyat dan mengurangkan *politicking*. Setelah kita berada dalam kerajaan campuran dan kemudianya Barisan Nasional, maka masalah Barisan Nasional itu menjadi taktik kembali dan kita teruskan perjuangan untuk mencapai *ultimate strategy* kita yang tetap: Untuk menegakkan negara berundang-undang dan bermasyarakat Islam di Malaysia.

Barisan Nasional bukan matlamat agung kita. Barisan Nasional ialah batu loncatan dan nyatalah kita boleh meloncat lebih bebas dan lebih tenang. Kita akan dikutuk oleh generasi, dan tentu sekali (oleh) Allah, jika kita tidak mempergunakan kebebasan dan ketenangan yang ada pada kita ini untuk membina kekuatan kita yang baru di samping meningkatkan kekuatan yang telah ada. Inilah juga yang harus diberi pengertian kepada mujahid-mujahid kita supaya dapat dialirkan kepada pengikut-pengikut mereka selanjutnya.

Pemusatan dan pembinaan ke arah mencapai strategi agung itulah yang sedang dimarai oleh PAS sekarang. Kita lebih banyak memerlukan 'loncatan senyap' dari

laungan berdegar. Kita perlu bergerak secara positif sambil kekuatan kita diorganisir, dipungut dan dihimpun dari potensi yang memang bukan kecil di Malaysia bagi mewujudkan kekuatan yang sebenar.

Kita mahu organisasi kita berlipat-ganda kemasnya dan perlulah dilatih kader-kader kita menjadi ahli taktik dan strategi yang boleh berhadapan dengan segala suasana dan kemelut, selain dari kerja kuat yang dicontohi dari para sahabat, para mujahid Islam, para *salaf* dan *syuhada' salih*.

Para peserta tamrin tentu akan mendapat huraian yang lanjut mengenai banyak aspek risalah Islamiah, termasuk ilmu perjuangan ideologi. Namun satu hal yang perlu diiktibar dan (di)tanyakan (ialah): Setakat mana sudah kita bergiat dalam 'panggung jihad' selama ini? Barangkali sudah lebih kenal pula kita akan sebab-sebab kenapa, kadang-kadang tanpa disedari, kita dimanfaatkan oleh pihak lain untuk kepentingan mereka. Inilah salah satu sebab mungkin beberapa peringkat dari perjuangan Islam itu dilemahkan.

(Sumber: Kertas kerja Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 10 April 1977 bertajuk "Khittah Perjuangan Kita". Hlm. 15, 16 dan 18-23)

## APENDIKS E

Punca-Punca Pertikaian Di Antara Badan Perhubungan PAS Kelantan

Dan Menteri Besar Kelantan, Mohamad Nasir

Mesyuarat (pun) berjalanlah terus. "Sekarang kita mintaklah kalau ada sebarang tambahan lagi, apa-apa kenyataan tambahan lagi daripada Perhubungan PAS Kelantan", kata Ayah 'Mat (Mohd Asri Muda). Abang Aji (Ishak Lotfi Omar) kata: "Tak 'dok dahlah setakat 'ni. Cukup dengan hak kita edar dah". Jadi, katanya Ayah 'Mat: "Silalah, kalau begitu, pihak Perhubungan PAS Kelantan kemukakan hujjah-hujjah ataupun kertas kerja dia tu". Abang Aji pun mintaklah setiausaha dia, sayalah maksudnya, baca hujjah-hujjah. Bacalah 17 muka kita tu, dekat dengan sejam setengah jugak.

Jadi, lepas pada 'tu, Ayah 'Mat pun (kata)lah: "Itu kalau nak anggap tuduhan pun boleh ataupun pandangan Perhubunganlah. Dato' Nasirlah pulak dimintak buat penjelasan".

Lepas pada 'tu, Dato' Nasir pun bangunlah. Dia kata: "Mesyuarat ni hendaklah berjalan dengan adil dan oleh kerana perkara ini besar, maka kita hendaklah balik kepada Qur'an dan Hadith, jangan ada berat sebelah. Dan saya ni hari 'ni ni diberi peluang yang sangat singkat berkenaan dengan perkara yang dituduh kepada saya ni. Benda ni *detail-detail* belaka, jadi saya tak sempat nak jawab semua. Walau macam mana pun, saya nak jawablah beberapa perkara".

"Pertama sekali, tentang orang tak pilih saya tu, kertas (kerja) ni kata kerana saya tak 'dok kewibawaan, tak layak, sedangkan, dalam kenyataannya, saya pun tidak nak mengaku saya ni pandai, (tapi) sayalah hak duk buat kerja kerajaan selama kening, baik dalam zaman Dato' Haji Ishak mahupun dalam zaman Dato' Asri, terutama sekali kerja dalam zaman Dato' Haji Ishak, sayalah duduk buat minit-minit fail, 'cara kor minit-minit fail, sayalah buat *interview* dengan wartawan-wartawan luar negeri dan sebagainya, Dato' Haji Ishak ni banyak kerja lain".

"Tentang kelemahan kerja kerajaan sekarang ni, saya berasa tak adil jugaklah kalau nak letak atas saya seorang sebab kerajaan kita ni kerajaan *collective responsibility*, patut timbalan-timbalan pengurus yang saya sudah beri kuasa penuh buat kerja tugas masing-masing tu dipersalahkan jugak bersama dengan saya, saya dah beri kuasa penuh kor dia, cuma hak besar-besar jah suruh *report* kor sayanya. Jadi, nyaknyolah kalau saya seorang nak letak kesalahan-kesalahan ni semua".

"Adapun perkara-perkara lain, bedo'oh lalu dahlah, sampai kor duk ungkit masalah saya duduk dua buah rumah ni. Betullah saya ada letak bini muda saya di Rumah Nombor 10 tu, tapi saya telah dapat kebenaran daripada kerajaan pinjam sebentar rumah tu".

Pah tu dia bagilah penjelasan-penjelasan berkenaan dengan kawasan Timber Mine. Dia kata, dia nak jaga maruah kerajaanlah sebab dulu Timber Mine tu sudah rumit, zaman dia 'nilah, dia kata, baru dapat ambik balik.

Syarikat Ric Seng tu, kawasan Dato' Ong Kian Seng tu, dia kata, dia sengaja bekukan kerana untuk faedah Kelantan dan dia timbul naik syak mengenai ada sesuatu balik belakang kerana ramai sangat orang mari duk lobi dia, mulai daripada Dato' Nik Man, Ustaz Khaidir, Dato' Ong Kian Seng sendiri, lepas tu seorang jeneral, seorang askar, akhir-akhir sekali, dia kata, Dato' Asri sendiri mari lobi dia, suruh percair kawasan Dato' Ong Kian Seng ni. Tentulah dia boleh baca, mesti ada sesuatu balik belakang ni, mengapa, dia kata, ramai sangat orang mari lobi dia supaya buka balik kawasan yang telah dibekukan itu.

Hal Syarikat 3P pulak, dia kata, dia yang dia bertindak ni oleh kerana dia bimbang takut terlibat nama Dato' Haji Ishak dengan Dato' Asri pasal dulu, kerajaan dulu buat jaminan tu, SEDC buat jaminan tu, berlawan dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia kerana jaminan ni tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi dia pun lebih kuranglah, begitulah, dia pun berhenti.

Sesudah dia berhenti tu, Wan Ismail pun jampuklah. Hor, Dato' Nasir sebut lagi, dia kata, kelemahan Timbalan Menteri Besar. "Jadi, Timbalan Menteri Besar kita ni", dia kata, "meniaga banyak". "Saya ghoyat 'dah kor dia terus-terang, kalu nak meniaga, berhentilah daripada jadi Timbalan Menteri Besar ni. Bukti dia meniaga, tengoklah tu, jadi Timbalan Menteri Besar dalam masa yang singkat sudah dapat beli rumah dekat beratus-ratus ribu ringgit dah, sedangkan saya sendiri hak jadi Timbalan Menteri Besar lagi lama dan Menteri Besar ni pun tak 'leh nak beli rumah lagu 'tuh. Inilah jugak salah satu sebab kelemahan kerajaan kita kalu ada kelemahan pun".

Jadi, lepas pada 'tu, Wan Ismail pun jawablah: "Sebenarnya bab meniaga tu saya boleh jelaslah. Saya tidak meniaga, memang ada saya beli syarikat tembakau dua butir. Bukan tujuan nak meniaga, tapi tujuan nak menyelamatkan syarikat bumiputera yang sudah bankrap. Apabila dia sudah pulih balik, saya tolak balik kor tuan 'hak dia'. Hak di Seringkah hak di mana, dia kata, dia tolak balik 'dah, tinggal lagi hak di Selising pun tak lama dah nak boleh lepas balik kepada orang yang berkenaan. Berkennaan dengan rumah tu, dia kata: "Saya beli, kebetulan saya ada beli rumah 'dah hari 'tu di Kuala Lumpur, rumah 'tu saya beli rumah Dato' Asri dengan harga murahlah, 'loor ning boleh jual dengan harga mahal, hasil duit 'tulah saya beli rumah yang ada sekarang ni. Rumah yang saya beli tu, walaupun besar, tapi menurut nilaiann orang semua sekali, rumah saya tu *below market price*, harganya murah, di bawah harga pasaran".

"Tentang Dato' Menteri Besar sebut dia serah tugas takdi, dia serah tugas kor timbalan-timbalan pengerusi, maka sayalah sebagai Timbalan Menteri Besar sendirilah suka beri kenyataan bahawa walaupun dia sebut dia nak beri tugas 'kita, tapi tugas tu tak pernah mari 'kita. Sebagai Timbalan Menteri Besar, saya dengar Dato' Nasir beritahu kepada orang ramai bahawa Timbalan Menteri Besar diberi tugas soal-soal pembangunan, tapi sampai sekarang pun saya tak tahu apa tugas soal-soal pembangunan ni. Begitu jugak saya percaya timbalan-timbalan pengerusi jawatankuasa yang lain pun lagu 'tu jugaklah. Memanglah pernah dulu Dato' Nasir cadangkan nak susun semula jawatankuasa-jawatankuasa ni dengan tujuan nak beri kuasa lebih kepada timbalan-timbalan pengerusi ni. Kertas tu sudah diangkat kepada EXCO, dah dekat dah nak diluluskan, tapi apabila dibantah oleh seorang Ahli EXCO UMNO (yang) menyatakan bahawa kertas ini dan masalah ini belum dirunding dan belum mendapat restu daripada

Tengku Razaleigh lagi, maka Menteri Besar sudah tarik balik dengan serta-merta kertas itu dan sampai sekarang ni pun tak berjalan lagilah".

"Berkenaan dengan masalah Syarikat 3P takdi, kebimbangan yang ditimbulkan oleh Dato' Nasir itu nampaknya tak ada asaslah sebab dalam undang-undang tubuh SEDC sendiri disebutkan bahawa SEDC tu boleh meniaga, membeli, menggadai, mencagar dan menjamin dan sebagainya. Dan benda ni tidak hanya berlaku pada SEDC Kelantan sahaja, SEDC lain seperti Selangor dan sebagainya membuat jaminan dengan bebas dan tidak ada digugat oleh mana-mana pihak, kecuali benda ni dilarang ataupun digugat oleh Kerajaan Persekutuan, bolehlah dibicarakan oleh mahkamah dan sebagainya. Jadi kebimbangan tu memanglah, tak usah dibimbangkan. Pihak kita senantiasalah mengharapkan bahawa benda ni dibawak kepada mahkamah terbuka bila-bila masa saja, semua masalah ni. Dan masalah 3P ni, bukan kerajaan, bukan Dato' Nasir, hak bawak ke mahkamah, tapi ialah Syarikat 3P yang nak mendakwa SEDC, dah tak mengaku lagi menjamin 3P, tapi bakpor lagi duk pegang harta 3P tu begitu lama".

Kemudian Ustaz Nik Aziz pulak jampuk, takdi Ustaz Nik Aziz jampuk 'dah, hak mula-mula Dato' Nasir sebut ayat Qur'an takdi, suruh adil begapo semua sekali tu. Nik Aziz kata: "Tak 'sah nak mari bersyarah agama 'sinilah, orang faham belaka 'dah. Bab nak berdalil dengan ayat Qur'an ni boleh tahan berdalillah. Dalam PAS kita ni pun, kita ada aturan, aturan tu berdasarkan Qur'an 'dah, Islam 'dah. Jadi kalau kita dapati siapa saja yang berkhianat di kalangan kita ni, kita hukum dia, kita pecat dia dan sebagainya. Dan kita ambik sesuatu tindakan kepada seseorang yang menyeleweng tu bukan maknanya kita zalim, sebaliknya kalau kita tak ambik sebarang tindakan kepada orang yang menyeleweng tu baru kita zalim".

Dan Ustaz Nik Aziz kata: "Sebenarnya, soal kertas (kerja) PAS Kelantan ni, walaupun panjang walaupun pendek, (walaupun) tak 'dan nak jawab atau 'dan nak jawab, tidak menjadi masalah, sebab ini sebagai alasan kepada PAS Kelantan saja. Dia sudah buat keputusan nak buat undi tidak percaya, jadi dia kemukakan di sini sebab-sebab yang dia tak percaya kor Dato' Nasir ni. Yang sebenarnya, benda yang besar bagi kita ialah dokumen-dokumen yang Dato' Nasir sebut dalam suratkhabar dia nak mari dedah di sini, nak tunjuk di sini, tentang rasuah Asri, (tentang) kepalsuan pemimpin-pemimpin PAS sekarang dan sebagainya. Mana dia dokumen-dokumen tu? Kita nak tengoklah sekarang".

"Yang kedua, Dato' Nasir takdi dia kata memanglah dia sedar dah lama dah orang duk berusaha nak guling dia, dengan maknanya hidung dia ni tajam. Takkallah kalau dia hidung dia boleh cium gerakan orang nak perjatuh kor dia, takkanlah hidung dia tak 'leh cium, tak 'leh 'bau jugak benda begapo orang tak puas hati kor dia".

Hak 'tu hak Nik Aziz.

Kemudian timbulah giliran Ayah 'Mat pulak. Ayah 'Mat bagi penjelasanlah tentang kisah perlantikan Menteri Besar dulu.

Adalah pertanyaannya: "Guano jadi perlantikan Menteri Besar ni 'jadi lagu 'ni nih di Kelantan", kata, sapadio tanya, Dr Ishak Rejab kor Dr Harun Din kor. "Guano yar 'gi 'jadi bersusah-payah ni bab perlantikan Menteri Besar ni, kita susah, UMNO tak susah. UMNO dia pakai lantik datah jah, suka tak suka pun jawatankuasa tertinggi dia boleh paksa orang bawah, orang negeri. Bakpor PAS tak 'leh buat lagu 'tu?".

Ayah 'Mat kata: "Inilah letak bezanya di antara PAS dengan UMNO. UMNO, pemimpin atasan dia tu mengamalkan sikap dia seperti diktator, bolehlah disebut diktator. Kita tidak mahu macam 'tu, kita lebih liberal dan kita lebih demokratik, kita beri hak kepada negeri-negeri buat pemilihan dia sendiri".

Lalulah orang tanya pulak: "Kalu begitu, saya nak tanyalah kepada orang Perak, Ahli EXCO Perak, dah kalu ada kuasa negeri Perak, adakah perlantikan Ahli EXCO PAS di Perak tu dibuat melalui Perhubungan?". Baharuddin jawab: "Hak Perak tu, waktu perlantikan Ahli EXCO dilakukan, Perhubungan PAS Perak pada waktu itu digantung, jadi tak berbangkitlah masalah Peraknya".

Jadi, Ayah 'Mat 'teranglah kisah hak awal lagi tentang perlantikan Dato' Nasir dan sebagainya, dia ghoyatlah hari hak dia dapat tahu Dato' Nasir sudah disebut namanya kepada Sultan, dia mari ke Kota Bharu nak berjumpa dengan Dato' Nasir, berjanji nak 'jumpa pukul 3.00 kor pukul 2.30 di rumah Abang Aji Ishak, ternyata Dato' Nasir mungkir, pukul 4.30 baru dia hadir di rumah Abang Aji. Kita berkecek, kita amanahkan dia untuk lantik Ahli-Ahli EXCO seperti yang dipilih oleh parti, tapi ternyata dia pilih cuma Timbalan Menteri Besar dan dua orang EXCO yang lain, hak lain tu dia pilih tidak mengikut kehendak parti. Walaupun begitu, kita tak apa, kita terima, kerana orang yang dia lantik tu orang PAS jugak.

Kemudian panjanglah bersoal-jawab dan sebagainya sehingga tangguh nak sembahyang Asar. Lepas tangguh sembahyang Asar tu, mula semula. Banyaklah, orang 'tu soal begitu, orang 'ni soal begini, sehingga sampailah peluang pulak kepada Ayah 'Mat sendiri. Jadi, Dr Ishak Rejab seolah-olah nak baca 'kitalah, berapa masa bagi kor

Dato' Nasir untuk membetulkan diri dia, dah berapa kali dah Perhubungan sudah buat hubungan dengan dia, pergi tegur dia, berapa pucuk surat dah Perhubungan ni beri kor Dato' Nasir tegur sikap perjalanan dia, jadi semua tu kita jawablah.

Jadi, apabila sampai lepas sembahyang Asar, majlis dibuka semula, banyaklah lagi orang berkeceknya yang saya pun tak ingat nak sebut satu per satu. Kemudian berlakulah, entah mula-mula kor ataupun lepas 'tu, Dr Haji Abbas tanya kepada pengerusi: "Dalam bab kes di Kelantan ni, Hasan Adli ada pergi Kelantan baru 'ni. Adakah dia 'gi Kelantan tu atas arahan Pejabat Agung ataupun dia pergi sendiri dia, dan adakah kenyataan-kenyataan dia dalam akhbar-akhbar tu boleh dianggap kenyataan Pejabat Agung ataupun kenyataan diri dia sorang jah. Hasan Adli jawab, dia sendiri: "Saya pergi diri sendiri jah, tak berkait dengan arahan siapa".

Jadi, apabila berosal-jawab berosal-jawab lagi, memanglah benda tu panjang bedo'oh, enam jam setengah, kira, enam setengah butir *tape* suara.

Jadi, sampailah giliran Ayah 'Mat pulak berkecek. Ayah 'Mat pun, dia kata: "Saya pun sebenar sebagai pengerusi tak berkecek lagi lah ni, sayanya memerhati bahawa mesyuarat kita hari ni nampaknya banyak duk ambik maklumat tentang sikap Perhubungan ni apa semua sekali, seolah kita lupa kepada prinsip dan dasar mesyuarat kita ni. Dasar kita sekarang ni ialah sikap dan tingkah-laku Dato' Nasir itu sendiri, *statement-statement* akhbar yang dia buat, ucapan-ucapan dia di Kelantan yang menghina parti dan sebagainya. Apakah sikap kita dalam masalah ini? Sebab dia sudah libatkan saya daripada awal lagi, saya dukacitalah perbuatan dia ni, tapi apabila saya sudah dilibatkan, saya sebagai pemimpin, saya tak sedap duduk di atas kerusi pimpinan

ni kalau ada di antara kita pengikut-pengikut ni yang sudah tak percaya lagi kepada saya. Jadi, saya nak tanyalah dengan terus-terang: Saudara Dato' Nasir, adakah Dato' masih percaya lagi kepada saya sebagai pemimpin PAS atau tidak?".

Jadi, Dato' Nasir pun ok-ek, ok-ek, ok-ek, tak jawablah, tak jawab moleklah percaya kor tidak tu. Cuma dia kata: "Saya dapat maklumat mengenai prasangka ataupun sangkaan buruk dan tohmah Dato' Asri kepada saya ni sudah lama. Nombor satu, saya dapat tahu Dato' Asri pernah kata saya ni gila. Yang kedua, saya diberitahu oleh orang yang bertanggungjawab sendiri oleh Tun Razak bahawa Tun Razak pernah buat tubik dan tunjuk fail rasuah Dato' Asri, fail BSN dia, waktu Dato' Asri pergi berjumpa dengan Tun Razak nak ghoyat hal orang-orang Kelantan tak suka dah kor saya ni, maka pada ketika itulah Tun Razak buat tubik (dan kata): Tak 'sah duk geger-gegerlah, Dato', kalu itu, ni fail rasuah Dato' ada ni, kalu itu, fail ni berjalanlah, Dato' jangan duk tekan-tekan sangatlah, jangan nak perebah-perebah Dato' Nasir ni".

Maka, Ayah 'Mat kata: ""Sudah dah, 'sudah dah lah". Ayah 'Mat kata: "Saya nak tanyalah, hak Dato' kata saya kata Dato' gila tu Dato' ambik mari duano? Dato' dengar sendiri kor Dato' dengar orang ghoyat?". Dato' Nasir jawablah: "Saya dengar orang ghoyat". (Ayah 'Mat pun tanya:) "Sapadio hak ghoyat kor Dato'?". (Dato' Nasir pun jawab:) "Ku 'Li ghoyat". Gak Ayah 'Mat jawablah: "Kalu Ku 'Li ghoyat dan Dato' pun tak tanya saya 'dah betul kor tidak saya kata 'gitu dan mulai daripada situ Dato' sudah taruh prasangka buruk kepada saya, hak 'tu *no comment*lah, saya tak 'leh kata apalah".

"Berkenaan dengan fail rasuah tu", Ayah 'Mat kata, "*wallahil'azim*, Tuhan yang menjadikan langit dan bumi dan kita semua ni, (yang) menjadikan saya dan Tun Razak,

semasa hidup dia dulu, Tun Razak tak pernah mengemukakan sehelai pun fail rasuah diri saya kepada saya. Dan benda ini saya pandang berat sangat, tanpa usul periksa dulu, tanpa bertanya dengan lebih jelas kepada saya sebagai pemimpin, Dato' Nasir sudah pergi merata-rata dalam Kelantan, telah memburuk-burukkan nama saya dan telah mengait-ngaitkan saya dalam masalah rasuah dan sebagainya, sehingga hasil daripada rapat umum yang dibuat secara haram di Kota Bharu untuk memberi dokongan kepada Dato' Nasir, tuduhan-tuduhan yang berat telah dibuat kepada saya dan sebagainya. Dan sudah timbul anggapan di setengah-setengah tempat di Kota Bharu bahawa saya ni sudah kena tangkap oleh BSN sebab sudah ada sepanduk yang telah digantung dalam Bandar Kota Bharu mengatakan bahawa BSN tangkap Asri".

Ketika 'tu, saya pun bangun, bangun, buka beg, buat tubik sepanduk hak demo 'ning kirim. "Dato' Pengerasi", *ana ghoyat*: "Ini dia sepanduknya". *Ana depa 'gini 'depan orang ramai, terlenggok belaka orang tengok.*

"Jadi", kata Ayah 'Mat, "Oleh kerana Dato' Nasir sudah menyatakan dia tak 'sir mari lagi lepas pada 'ni, saya terpaksa lah ghoyat kepada Dato' Nasir bahawa hari 'ni saya sudah mengambil seorang *lawyer* untuk membawa kes tuduhan Dato' Nasir kepada saya ni di mahkamah, esok, dan jugak untuk membuat *injunction* melarang Dato' Nasir menuduh dan menghina saya serta pemimpin-pemimpin PAS lain lagi dalam mahkamah, esok".

Jadi, lepas pada Ayah 'Mat kata begitu, ada lagi pertanyaan, Zahari kor sapo, tanya: "Dalam kertas (kerja) ni ada sebut bahawa Dato' ada pujuk lima orang Ahli

Dewan suruh sokong Dato' dalam Dewan Negeri, nak tanya, betul atau tidak?". Dia mengaku, betul, dengan alasan nak menyelamatkan kerajaan.

Jadi, majlis tangguhlah untuk sembahyang Maghrib. Bila tangguh sembahyang Maghrib, kata di Ishak Rejab, dia ghoyat kor *ana*, dia kata: "(Dato' Nasir) balik 'dah tu nampak sakni, tapi kita pujuk supaya dia mari pulak, mudah-mudahan dia mari gamaknya". Jadi, sungguh, dia mari pulak lepas Maghrib walaupun dia sudah isytihar dia tak 'sir mari.

Jadi, sudah buka semula lepas sembahyang tu, Ustaz Khadir pun angkat tangan dia, nak berkecek: "Tuan Pengerusi, takdi ada satu masalah besar dan penting dan soal dasar yang belum dijawab oleh Dato' Nasir". Pengerusi pun kata: "Dasar begapo?". (Ustaz Khadir pun jawab:) "Takdi, pertanyaan daripada Saudara Pengerusi kepada Dato' Nasir, sama ada dia percaya lagi kepada Dato' Mohd Asri sebagai Ketua PAS ataupun dia sudah hilang kepercayaan dia". Orang pun banyak sokong, sut-sut Ayah 'Mat kata: "Ha, Saudara Dato' Nasir, silalah beri jawapan kepada soalan ini". Dianya ok-ak, ok-ak, tak 'leh jawab. Cuma dia kata: "Kalu baso betul hak saya ghoyat (mengenai Dato' Asri) takdi ada berlaku sungguh, hilanglah kepercayaan saya kepada Dato' Asri".

Jadi, lepas pada 'tunya timbul soalan, banyaklah, seolah-olah nak tekan balik Perhubungan PAS Kelantan ni, buat keputusan tergesa-gesa, buat zalim kor Dato' Nasir ni, berapa kali beri amaran kor dia, berapa kali dampingi dia, berjumpa dengan dia, bagi nasihat kor dia, ada berapa pucuk surat, kehadiran dia berapa dalam Mesyuarat Perhubungan begapo semua sekali. Untuk nak itu takdilah, alasan Dato' Nasir ni, dia kata orang tak rajin tegur dia, parti tak rajin beri panduan kor dia begapo semua sekali takdi.

Adalah tertinggal bekali cerita ni sedikit sebanyak, 'selit'-selit, mugo payah nak ghoyat serupa tu.

Ustaz Nik Aziz jawab pulak: "Mengikut logiknya, tidak parti yang kena beri arahan kepada Dato' Nasir, sebab Dato' Nasir waktu zaman Dato' Asri jadi Pesuruhjaya dulu dia sudah Timbalan Pesuruhjaya, dan Timbalan Pesuruhjaya tu dia pulak Timbalan Pesuruhjaya Nombor Satu, maknanya parti tu dengan sendirinya di bawah jagaan dia, di bawah naungan dia, di bawah tanggungjawab dia. Dah dia berasa ada benda hak besar, dia mesti rujuk kor parti, itu kewajipan dia, tak payah nanti suruh, tak payah nanti marah. Tapi apa sebab, dalam banyak hal, Parti PAS dia tinggal, dia 'gi cari Ku 'Li, dia 'gi cari orang UMNO? Tak berbangkit masalah beritahu tak beritahu mugo dia tu sendiri dah ketua parti ni, Timbalan Pesuruhjaya. Apa lagi nak arahan, nak surat, nak suruh lagu mana lagi?".

Kemudian timbul lagilah masalah ada komplot kor tak komplot kor nak menentang Dato' Nasir ni apa semua sekali, mengenai kepentingan diri la--ada la orang hak puak-puak intelek, doktor-doktor tu la, tak ingat doktor mana, tapi bukan Dr Daeng, Dr Daeng duk senyap jahlah--berapa lama dah maknanya hubungan-hubungan dibuat begapo semua sekali.

Saya kata: "Abang Ajilah jawab". Abang Aji pun bangun, berkecek deras Abang Aji, bekeng Abang Aji, tunjuk anak jantan sengoti: "Saya sebenarnya, Tuan Pengerusi, saya dilantik menjadi Pesuruhjaya pada 10 haribulan (Ogos 1977), surat perlantikan saya terima pada 20 haribulan (Ogos 1977). Sebelum saya nak terima, saya sudah pergi risik merata-rata, sampai ke Kuala Lumpur sendiri, sapadio yang lantik saya jadi Pesuruhjaya

ni. Saya tak mahu Dato' Asri yang lantik saya jadi Pesuruhjaya, sebab saya bimbang perasaan dan sangkaan seperti yang timbul dalam mesyuarat inilah yang akan timbul kalau saya terima perlantikan oleh Dato' Asri. Tapi sesudah saya tahu bahawa Asri tidak terlibat dalam pencalonan dan pemilihan saya sebagai Pesuruhjaya ni, saya terima".

"Dan, apabila saya terima, saya sudah pergi berjumpa dengan ahli-ahli jawatankuasa di kawasan-kawasan, saya tanya setiap orang daripada ahli-ahli jawatankuasa tu, tak kira siapa, apa pandangan dia berkenaan, nombor satu, kedudukan parti, nombor dua, kedudukan kerajaan. Saya sudah dapat jawapan dan rumusan, kedua-dua parti dengan kerajaan ni merosot sekarang, lemah. Hampir 95% fikiran dan pendapat lagu 'tu. Jadi, kalu lemah, boktan sapo? Jujuk 'gi jujuk mari, tak ada lainlah, jatuh pada ketua kerajaan jugak, pada Menteri Besar. Jadi, sebab 'tulah saya sudah kumpulkan Ahli-Ahli Dewan Negeri. Setelah saya tanya diaorang tu, diaorang pun semua setuju nak mintak dengan hormat Dato' Nasir berhenti dari jawatan dia. Tapi Dato' Nasir tidak, dia nampaknya tak 'sir (berhenti), jadi kita angkat wak mari".

"Bagi saya, Tuan Penggerusi, saya sebenarnya niat nak bersara lama dah, tapi apabila panggilan jihad mari, berasa 'ghar semula, tak 'leh, sebab apabila saya sanggup pikul tanggungjawab ni, jadi Pesuruhjaya ni, saya kena jugak sanggup pikul akibah-akibah yang timbul daripadanya. Saya tahu tunjang PAS tu di Kelantan, saya tahu nadi rakyat Kelantan tu sedikit sebanyak ada pada saya, saya tahu jamah nadi rakyat Kelantan. Sebab itulah saya ambik tindakan dan Perhubungan buat keputusan seperti ini. Bukan kerana nak marah dan benci kepada saudara kita Dato' Nasir. Saya cukup sayang kepada saudara saya Dato' Nasir yang sudah duduk bersama saya, (yang) sudah sama berjuang dengan saya, dekat 20 tahun dah, tak 'dok sebab saya nak marah kor dia. Tapi

apabila sampai kewajipan parti mengambil tindakan, maka kasih sayang kita kepada diri perseorangan tu kena pendam, kena telanlah".

"Sekarang saya serahlah balik kor Jawatankuasa Agung ni, terima atau tidak cadangan ni. Kalu terima, syukur *alhamdulillah*, saya terima kasih. Kalu tidak (terima) pun tak apa. Saya bukan nak paksa Jawatankuasa Agung terima saya, (terima) kerja saya. Cuma oleh kerana kesedaran saya, Jawatankuasa Agung tu lantik saya menjadi Pesuruhjaya ni kerana 'nak saya baiki Parti PAS, nak perhidup, tak 'sir 'wi mati Parti PAS, inilah tindakan saya. Kalu Jawatankuasa Agung nampak ada jalan lain, silalah, saya bersedia, ambik balik amanah yang diberi kepada saya". Abang Aji pun berhentilah.

Jadi, adalah pulak soalan daripada siapa tak tahu: "Jadi, dalam anggapan umum di Kelantan, waktu Dato' Asri jadi Pesuruhjaya tu PAS lemahlah maknanya?". Dia tanyalah pulak kepada pihak Perhubungan: "Dato' Nasir ni berapa kali dia hadir Mesyuarat Perhubungan?". Saya ghoyat: "Dalam rekod kita, kebanyakannya daripada Mesyuarat-Mesyuarat Perhubungan tu dia tak hadir, rekod 'sor 'sor tu maklumlah, mugo tak bawak, payah jugak, tapi kebanyakannya dia tak hadir, hatta dalam mesyuarat yang telah ditentukan program oleh dia sendiri pun dia boleh tak hadir".

Kemudian sampailah pulak peluang Ayah 'Mat berkecek. Dia kata: "Beginilah, dalam zaman saya dulu, PAS tu ada bergerak serupa sekala jugak, tapi orang PAS di Kelantan tu tak galak, tak suka hati, berasa tertekan jiwa dan perasaan dia oleh sebab kelakuan-kelakuan Dato' Nasir menyebelahi orang UMNO kuat bedo'oh. Semua projek yang kita persetujui dulu sekali dengan Tun Razak nak buat di Kelantan, projek masjid dan sebagainya, akhir-akhir ni walaupun ada benda tu nak 'jadi, nak buat, tapi telah

dipergunakan oleh UMNO, oleh Tengku Razaleigh, untuk mengangkat imej diri dia sendiri, walaupun benda ni telah dipersetujui di zaman Tun Razak dulu lagi".

(Ayah 'Mat) tunjuklah contoh-contoh: "Umpamanya, sebuah contoh, masjid dalam kawasan saya, di Perol, saya perjuang dengan Tun Razak sudah lama dan duit tu sudah berbulan-bulan dah lama, mari duk di tangan Pegawai Kemajuan Negeri. Tahu di Ku 'Li, Ku 'Li *stop* duit tu jangan buat keluar dulu, nanti dia nak wok 'gi serah sendiri cek dalam pembukaan letak batu atas masjid di Perol". Jadi Ayah 'Mat ceritalah kejadian di Perol tu, lepas berkecek, Pak 'Ya sebut tu: "Sikit abuk pun tak sebut nama saya ikhtiar, cuma sebut sudah mintak perkara ni dengan Dato' Asri tapi tak 'leh, tak dapat-dapat jugak, bayang pun tak mari, 'loor 'ning sekat ada anak raja bertuah 'nilah baru buleh, harapnya bulehlah. Jadi jawapan Ku 'Li pulak tidak sedikit pun membayangkan bahawa projek ini adalah projek yang dijanjikan oleh Tun Razak, bahkan merupakan projek baru, serupa projek zaman dia jah. Dahlah jemputan pergi ke majlis pembukaan letak batu atas tu jemputan tu dibuat atas nama Perhubungan UMNO Negeri".

Jadi, itulah, Ayah 'Matnya, dia kata: "Kesimpulannya, walaupun ada bergerak, tapi kalu duk 'lok lagu 'ni, pilihan raya akan datang PAS Kelantan tu teruk. Sebab 'tulah saya lantik orang yang dianggap boleh memimpin dan memberi nafas kepada PAS Kelantan, iaitulah Dato' Ishak Lotfi. Walaupun memang berat sangat saya nak terima, walaupun orang lain sudah pilih pun, nak terima ni berat sangat saya sebab saya tahu orang tahu semua Dato' Ishak Lotfi ni ialah anak peranakan saya, anak saudara saya, jadi bagi orang yang tak 'sir reti gak, buat tuduhan semacamlah".

Jadi, panjanglah, berlarut, berlarut, berlarut. Ustaz Ali pun ambik bahagian, sampai dia suruh baca (Surah al-Inshirah) sekali, sorang-sorang, bila (Surah al-Inshirah) baca belaka tiap-tiap ahli mesyuarat tu, tenanglah balik. Jadi, ni lama dah ni, dekat nak 'sut dah lah ni. Mustafa Ali berkecek lagi, lepas Mustafa Ali tu rasanya Dr Daeng Sanusilah mintak nak berkecek.

Dr Daeng Sanusi, dia bangun, bersyarah sikitlah: "Saya yakin bahawa semua orang yang masuk Parti PAS ni daripada dulu sampai sekarang ialah ikhlas *lillahita'ala* belaka, kerana menunaikan amanah, kewajipan daripada Allah Ta'ala dan menunaikan kerja kita. Jadi, saya yakinlah semua kita ni ialah pejuang-pejuang dan mujahid-mujahid Islam yang ikhlas, yang nak memperjuangkan Islam, kita ikhlas *lillahita'ala*, kerana Allah s.w.t. semata-mata. Tapi, malangnya, sekarang dalam kumpulan kita ni sedang berlaku perselisihan di antara PAS Kelantan dengan Dato' Nasir dan sebagainya, dan benda ni payah nak diselesaikan. Kalau berdasarkan saluran biasa ni memang payah, (memang) rumit benda lagu 'ni nak diselesaikan, tetapi kita sebagai Parti Islam yang terkenal di seluruh dunia sekarang ni sebagai parti yang betul-betul dapat mencerminkan keperibadian Islam dalam penyelesaian, saya harap penyelesaian kita buat hari ni dengan cara Islam dan ukhuwwah Islamiah jugak".

"Jadi, dengan sifat saudara kita Dato' Nasir kita, orang yang lemah, orang yang wara', orang yang jujur macam 'ni, dia mudah dipengaruhi oleh orang lain. Jadi, saya pada malam ini, dengan nama Allah, dengan hati yang suci dan bersih dan jilah, dengan berpandu kepada semangat ukhuwwah Islamiah kita, aqidah perjuangan kita, saya nak mengetuklah pintu hati saudara saya Dato' Nasir, sebab saya percaya dia penuh dengan keikhlasan, dia masuk PAS pun seperti orang lainlah maknanya, nak mencari keredhaan

Allah Ta'ala dan bukan nak mencari sebarang kepentingan lain atas dunia ni. Jadi, atas dasar itulah saya nak ketuk pintu Dato' Nasir supaya, dengan nama Allah, dengan penuh ikhlas dan redha, dengan tidak ada ditekan dan dipaksa oleh siapa-siapa pun, menarik diri daripada menjadi Menteri Besar Kelantan dengan syarat-syarat bahawa pihak Perhubungan Kelantan kena lupakanlah pertikaian ini dan kena tarik baliklah tuduhan-tuduhan dia, dengan syarat pulak, Ahli-Ahli Dewan Negeri yang 20 orang tu pun tarik balik pulak usul ataupun undi tidak percaya tu".

Jadi, Ayah 'Mat pun mintak penjelasan lagi: "Bolehkah kita rumuskan macam 'ni? Mesyuarat ni kita berjalan dengan suasana persaudaraan Islam yang baik dan kita bersetuju sebulat suara memintak kerelaan hati Dato' Nasir, dengan ikhlas kepada amanah perjuangan dan sebagainya, dengan rela hati, dengan tidak dipaksa oleh sesiapa, dengan tidak ditekan oleh sesiapa, mengundurkan diri daripada jawatan Menteri Besar. Yang kedua, PAS Kelantan kena tarik balik, kita perhancur habis segala dokumen dan kertas ni, kita bakar belaka, kita lupakan tuduhan-tuduhan Perhubungan ni. Begitu jugak Ahli-Ahli Dewan Negeri kita suruh tarik balik cadangan dalam dewan seksok, ataupun kalau boleh lesai esok, kita boleh suruh Ahli Dewan tu tarik balik selaluh cadangan ni".

Jadi, ada pulak hak tambah: "Dengan syarat lagi, bahawa sesudah Dato' Nasir berhenti, perlantikan Menteri Besar baru ni sesudah dibuat pemilihan oleh Perhubungan Negeri dan sebelum daripada diangkat kepada Raja dan Barisan Nasional, hendaklah lebih dahulu diangkat kepada Jawatankuasa Agung dan (dengan syarat bahawa) Perhubungan PAS Kelantan mesti berusaha mencari tempat (jawatan) yang layak dan sesuai dengan taraf Dato' Nasir sebagai bekas seorang Menteri Besar".

Jadi, Ayah 'Mat kata: "Kita bentanglah untuk mendapat fikiran dan pandangan daripada ahli-ahli kita". Orang 'tu sokong, orang 'ni sokong, Muslimat pun sokong. Ustaz Nik Aziz kata: "Saya sebagai orang yang dikenal mula-mula menentang Dato' Nasir tiga tahun yang lalu, membuat *circular* nah, begapo nah, kalulah Dato' Nasir terima cadangan daripada Dr Daeng Sanusi ni, saya bersedia *sollu 'alannabi* dan mengucap tahniah kepada Dato' Nasir dan sanggup menganggap dia sebagai seorang PAS yang baik".

Pah tu Ayah 'Mat kata: "Guano tuan 'hak, Perhubungan Negeri Kelantan lagu mana atas pandangan 'ni?".

*Ana* pun cuit Abang Aji. Abang Aji pun bangunlah: "Dato' Pengerusi, tahniahlah kepada Dr Daeng Sanusi yang telah membuat rumusan yang begitu menarik, yang begitu dapat menyelesaikan masalah. Dan, sebenarnya, untuk maklumat Dato' Pengerusi dan majlis ini, keputusan lagu 'nilah yang kita duk cari, hak duk 'nak sokmo kitanya, tapi malangnya pihak Dato' Nasir tidak 'nak berkira-bicara dengan kita. Kalu dia dapat (terima) persetujuan macam 'ni dari dulu lagi, tak berbangkit dah, kita boleh terima".

Lepas pada orang lain, semua ahli lain berkecek ni, kata Ayah 'Mat: "Kalu betul boleh diterima lagu 'ni, maka pihak saya pun akan tarik balik tuduhan dan dakwaan (di mahkamah). Jadi, silalah, Dato'lah pulak jawab, apa sikap Dato' dalam masalah ni. Adakah Dato' bersedia, dengan rela hati, dengan ikhlas, tidak dipaksa dan tidak ditekan oleh siapa-siapa seperti yang disebut dalam resolusi sakni ataupun cadangan rumusan sakni?". Dato' Nasir senyap, lama. "Ha, lagu mana Dato'?", kata demo.

Dato' Nasir kata: "Saya tak 'leh beri jawapan lagilah, pasal kalau saya jawab setuju selalu pun dalam majlis ni, nanti timbul anggapan orang, ada tuduhan pulak ke atas saya, saya kena tekan oleh mesyuarat 'ni, maka saya nak 'mikirlah duluh. Saya akan beri jawapanlah dalam dua tiga hari ni".

Jadi, demo kata: "Bila agaknya jawapan tu?". 'Pakat tengok diari belaka, setujulah jawapan tu nak dibuat pada 29 haribulan, hari Khamis, pukul 2.30 petang, Mesyuarat Jawatankuasa Agung.

Jadi, sementara 'tu, dipersetujuiyah (bahawa) sementara dapat jawapan tu, semua pihak berhenti daripada membuat sebarang kenyataan di luar, kepada suratkhabar dan sebagainya, tak 'leh buat kenyataan. Baik pihak Perhubungan, pihak Pejabat Agung, pihak Dato' Nasir sendiri pun, sebelum hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Agung pada 29 haribulan tu, tak 'leh buat sebarang kenyataan. Kalu suratkhabar tanya pun, kata "*no comment*", itu jah benda yang boleh jawabnya.

Jadi, Ayah 'Mat pun panggillah wartawan masuk, ghoyat mesyuarat malam 'ni berjalan dengan suasana muhibbah dan berdasarkan ukhuwwah Islamiah dan dapat mencapai penyelesaian secara Islamiah yang hasil daripada penyelesaian itu akan diumumkan pada hari Khamis, 29 haribulan.

Ayah 'Mat kata: "Kita *sollu 'alannabilah*, lupakan yang keruh, ambilkan yang jernih, lupakan segala silap apa semua sekali, kita balik ke asal seperti semangat tahun (19)59 dululah". Ustaz Nik Aziz pun baca doa selamatlah, dengan terharu belaka, berlinang-berlinang air matalah belaka orangnya, sukacita atas penyelesaian yang dicapai

ni. Jadi, lepas pada 'tunya majlis pun ditutuplah, lepas pada bergambar-bergambar semua sekali, ada gambar Dato' Nasir duk berjabat salam dengan Abang Aji Ishak, gambar dia duk berjabat salam dengan Ayah 'Mat apa semua sekali.

(Sumber: Rakaman laporan perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS

pada 26 September 1977 oleh Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan,

Salahuddin Abdullah, pada 28 September 1977)

## APENDIKS F

Alasan-Alasan Yang Digunakan Oleh Para Pemimpin UMNO

Untuk Menyingkirkan PAS Dari Barisan Nasional

Terlebih dahulu saya dengan sukacitanya mengucapkan berbanyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang telah bersusah-payah datang dari jauh dan dekat dan dengan secara tergesa-gesa menghadiri perjumpaan ini. Perjumpaan ini amat penting bagi menentukan nasib orang Melayu khasnya dan seluruh rakyat Malaysia amnya.

Perjumpaan kita hari ini diselubungi oleh suasana sedih dan pilu. Sedih kerana kehilangan seorang menteri yang telah banyak berjasa kepada UMNO dan negara. Kemalangan kapal terbang MAS di Tanjung Kupang, Johor, yang telah mengorbankan 100 nyawa, sungguh mengejut dan mengharukan kita semua. Oleh itu, sempena dengan perjumpaan kita yang bersejarah ini, marilah kita beramai-ramai mendoakan semoga Allah s.w.t. mencucuri rahmat-Nya ke atas roh Allahyarham Dato' Seri Ali bin Haji Ahmad serta lain-lain roh orang yang telah terkorban dalam kemalangan itu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebelum saya menyebut perkara penting dalam perjumpaan ini, marilah kita menoleh sejenak ke belakang mengkaji semula dengan secara ringkas perkembangan yang telah berlaku sehingga ke perjumpaan yang diadakan pada petang ini.

Saya tidaklah berhajat menerangkan kemajuan dan kejayaan UMNO yang telah lalu atau kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Perikatan sejak ia ditubuhkan. Kesemuanya ini ada dalam pengetahuan tiap-tiap ahli UMNO. Demikianlah juga dengan hasrat dan tujuan menubuhkan Barisan Nasional yang telah menyatupadukan sehingga ke hari ini sebelas buah parti politik yang sebilangannya telah menentang UMNO pada masa sebelumnya.

Sesungguhnya UMNO telah membuat banyak pengorbanan politik bagi memenuhi hasrat dan matlamat Barisan Nasional. Walaupun perjalanan kita masih jauh dan penuh dengan liku-liku, tetapi Barisan Nasional telah dapat menumpukan sepenuh tenaga memupuk dan menyuburkan semangat kerjasama dan persefahaman dalam melaksanakan rancangan pembangunan, membawa kemakmuran dan kebahagiaan kepada rakyat berbilang kaum. Barisan Nasional berazam akan terus dengan penuh keberanian dan dengan usaha yang lebih bersungguh-sungguh mewujud dan mengeratkan perpaduan. Dengan sokongan rakyat, saya percaya Barisan Nasional akan mencapai kejayaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Barisan Nasional merupakan satu federasi yang longgar kerana tiap-tiap parti yang bergabung ingin mengekalkan identiti partinya masing-masing, tetapi parti-parti komponen adalah terikat dengan semangat ingin bekerjasama, saling mengerti sesama sendiri dan yang paling penting sekali ialah mematuhi disiplin parti. Semangat kerjasama dan persefahaman adalah penting bagi menyelesaikan masalah negara. Ia lebih berharga dengan dibuktikan dalam amalan daripada semata-mata mengadakan perakuan-perakuan sahaja tetapi tidak dipraktikkan.

Inilah caranya Barisan Nasional bergerak selama ini dari semenjak ianya ditubuhkan. Hasil kejayaan penubuhan Barisan Nasional telah dapat dilihat dengan nyata apabila parti ini mencapai kemenangan yang paling gemilang dalam Pilihan Raya (Umum) 1974. UMNO yang mempelopori Barisan Nasional sentiasa berusaha dan bertindak bagi mengekalkan gabungan ini serta memastikan ia dapat terus wujud kukuh dan teguh supaya usaha pembangunan negara dapat diselenggarakan dengan lebih licin, sempurna dan jayanya.

Parti-parti politik yang bercorak gabungan seperti Barisan Nasional ini sudah pasti sekali-sekala menghadapi masalah. Pertentangan pendapat dan perbezaan cara mendekati dan menyelesaikan sesuatu masalah merupakan satu perkara biasa yang memang diramalkan dari mula-mula lagi. Peristiwa perpecahan parti komponen Barisan Nasional di Sabah merupakan kejadian pertama yang telah berlaku. Kita berikhtiar menyelesaiannya. Walaupun perkara itu belum dapat diselesaikan dengan sepenuhnya, tetapi *insya'Allah* penyelesaiannya akan dapat dibuat dengan cara beransur-ansur. Pergolakan yang sedang kita hadapi di Kelantan sekarang merupakan peristiwa kedua. Perkara ini besar, yang berkehendakkan pengkajian dan pertimbangan yang serius kerana ianya melibatkan soal pokok.

Sebagaimana kita sedia maklum, Dato' Haji Mohamad Nasir telah dipilih menjadi Menteri Besar hasil daripada persefahaman dan semangat tolak-ansur di antara Allahyarham Tun Razak sebagai Perdana Menteri dan Ketua Barisan Nasional di masa itu dengan pucuk pimpinan PAS yang mempunyai suara majoriti dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan. Semangat tolak-ansur seperti ini patut sentiasa wujud,

digalak dan dikenakan. Ia merupakan faktor utama bagi mengekal dan menjamin perpaduan dalam Barisan Nasional.

UMNO tidak berhajat dan tidak mahu mencampuri langkah pucuk pimpinan PAS melucutkan jawatan Dato' Haji Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan semata-mata kerana menghormati kehendak-kehendak pucuk pimpinan PAS yang mendakwa perkara itu merupakan soal rumah tangga PAS. UMNO menganggapkan perkara itu sebagai masalah Barisan Nasional. Langkah itu juga telah diambil oleh pucuk pimpinan PAS dengan tidak ada sedikit pun perundingan dengan pucuk pimpinan Barisan Nasional terlebih dahulu.

UMNO tidak dapat menyokong langkah yang diambil oleh pucuk pimpinan PAS dalam sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 15 Oktober itu bukan kerana UMNO tidak dibawa berunding, tetapi kerana UMNO tidak tahu sebab atau diberitahu sebab-sebab mengapa Dato' Haji Mohamad Nasir dilucutkan daripada jawatannya. Oleh itu, sikap berkecuali yang telah diambil oleh UMNO itu adalah satu tindakan yang munasabah. Tambahan pula, UMNO masih lagi berharap hendak mengekalkan perpaduan dengan Parti PAS.

Malangnya, peristiwa melucutkan jawatan Menteri Besar itu dengan tidak disangka-sangka telah mencetuskan kejadian yang buruk. Peristiwa yang telah mengakibatkan kecederaan sebilangan orang yang tidak berdosa, kemasuhan harta benda dan boleh mengancam nyawa dan keselamatan rakyat telah juga mengancam keselamatan negeri Kelantan. Jika keadaan ini tidak dikawal segera, ia akan melibatkan keselamatan negara seluruhnya. Sebagai Perdana Menteri, saya bertanggungjawab di atas

keselamatan negara, jiwa dan kebajikan rakyat. Saya terpaksa mengambil langkah yang tegas. Keadaan darurat telah diisytiharkan bagi negeri Kelantan. Satu undang-undang dirangka bagi meletakkan Kerajaan Negeri Kelantan di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Langkah-langkah ini diambil pada masa Menteri-Menteri dari Parti PAS masih lagi bersama-sama kita dalam jemaah Menteri. Rang undang-undang ini telah kemudiannya diluluskan oleh Parlimen.

Kerajaan darurat terpaksa ditubuhkan di Kelantan dengan tidak mengira siapakah yang menjadi parti pemerintahnya. Sama ada ianya daripada parti lawan ataupun parti kawan tidaklah penting kerana yang pentingnya ialah keselamatan dan kebajikan rakyat Kelantan sendiri. Saya memanglah sentiasa meletakkan kepentingan keselamatan di atas segala-galanya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Memang benar demokrasi telah mati di Kelantan, tetapi rakyat Kelantan telah dapat terus hidup dengan penuh keyakinan di atas keselamatan dan masa depan mereka. Demokrasi di Kelantan tetap akan dipulihkan sebaik-baik sahaja keadaan mengizinkan. Tempoh dan lama masa berjalannya kerajaan darurat di Kelantan itu hanya dikehendaki sekadar yang wajib sahaja. Lebih pendek adalah lebih baik. Kerajaan Pusat berikrar akan memulihkan kembali pemerintahan demokrasi seberapa segera yang boleh. Bukti nyata kita semua telah dapat nikmati sekarang di mana pemerintahan NOC atau MAGERAN tahun 1969 telah dimansuhkan dan kita telah kembali kepada pemerintahan demokrasi. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa Parti PAS yang mempunyai anggota di Dewan Undangan yang lebih ramai akan tetap memegang teraju pemerintahan negeri itu semula dan bukanlah UMNO.

Malang sekali, tujuan baik Kerajaan Pusat dan rang undang-undang yang telah mendapat persetujuan daripada Parlimen itu telah sengaja disalahfaham dan disalahtafsirkan oleh pucuk pimpinan PAS. Semua wakil rakyat parti komponen Barisan Nasional dalam Parlimen, kecuali wakil-wakil rakyat PAS, telah menyokong rang undang-undang penubuhan kerajaan darurat di Kelantan itu. Biarlah saya bersalah dalam tindakan saya mengadakan undang-undang itu, tetapi saya tidak sanggup memikul dosa yang lebih besar dengan membiarkan berlakunya pertumpahan darah, pengorbanan nyawa, kecederaan dan kemusnahaan harta benda. Sebagai Perdana Menteri, saya tidak boleh memandang ringan perkara ini. Saya berkewajipan penuh melindungi nyawa rakyat.

Tindakan saya ini telah disambut baik dan disokong oleh sebahagian besar penduduk dan rakyat Kelantan sendiri. Saya tidak faham kenapa pucuk pimpinan PAS tidak mahu menyokongnya. Saya tahu tidak semua ahli PAS bersetuju dengan tindak-tanduk pucuk pimpinannya. Sebenarnya, UMNO juga memerlukan kerjasama PAS dan tidak sekali-kali meragukan penyertaan PAS, tetapi yang kita sangsikan ialah sikap dan pendirian pucuk pimpinannya.

Perbuatan pucuk pimpinan PAS menentang arahan *party whip* menjadi satu contoh yang merbahaya kepada parti anggota Barisan Nasional yang lain, sama ada di dalam ataupun di luar dewan, di masa akan datang. Jika semangat kerjasama dan saling mengerti ini luntur dan disiplin parti diketepikan, akibatnya Barisan Nasional akan hancur. Kita semua tahu bahawa disiplin merupakan rahsia perpaduan dan kekuatan Barisan Nasional selama ini.

Disiplin adalah paling mustahak dalam penghidupan manusia dan ianya hendaklah diutamakan. Mengenakan disiplin di atas diri sendiri pun merupakan perkara penting, apatah lagi dalam masyarakat atau pertubuhan seperti parti-parti politik. Satu daripada sebab-sebab kejayaan UMNO selama ini ialah kerana ahli-ahlinya mematuhi disiplin parti serta menghormati dan menjunjung tinggi aturan dan peraturan yang ditetapkan. Parti-parti yang ahlinya tidak patuh kepada disiplin akan membawa kehancuran kepada parti itu sendiri.

Soal mengenai siapakah yang bersalah sehingga mengakibatkan tercetusnya kejadian buruk di Kelantan itu tidaklah berfaedah dibangkitkan, tetapi perkara yang paling penting dan yang patut diutamakan ialah melindungi nyawa rakyat terlebih dahulu. Sebagai Perdana Menteri, saya mengetahui dengan sedalam-dalamnya masalah keselamatan dalam negeri. Saya mesti bertindak sewajarnya mengikut keadaan.

Saya telah pun menerangkan bahawa saya tidak menyebelahi mana-mana pihak yang terlibat dalam peristiwa Kelantan itu. Saya jalankan segala tindakan yang perlu bagi mengawal dan mententeramkan keadaan di atas sifat saya sebagai Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kebajikan rakyat, bukan sahaja di Kelantan, bahkan di seluruh tanah air kita. Inilah amanah yang telah dipertanggungjawabkan oleh rakyat kepada saya. Saya tidak faham mengapa pucuk pimpinan PAS tidak memahami hakikat ini. Soal keselamatan adalah satu perkara yang tidak boleh dijadikan tawar-menawar.

Di bawah kuasa-kuasa darurat, Pengarah Kerajaan Negeri Kelantan adalah bertanggungjawab terus kepada saya sebagai Perdana Menteri. Saya pula

bertanggungjawab kepada jemaah Menteri di mana Menteri-Menteri dari PAS menganggotainya. Saya akan memberi penjelasan kepada jemaah Menteri dari semasa ke semasa mengenai perkembangan dan kemajuan di negeri Kelantan dan di masa itu Menteri-Menteri dari PAS bolehlah membangkitkan sebarang kemosyikilan mengenainya. Sebaliknya, mereka telah mengambil tindakan meletakkan jawatan beramai-ramai dari menyertai kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dalam masa kita sedang mencari-cari jalan keluar yang sebaik-baiknya bagi mengatasi keadaan buruk yang tercetus di Kelantan itu, tiba-tiba pucuk pimpinan PAS menimbulkan lagi berbagai masalah lain dengan mengemukakan undi tidak percaya kepada beberapa orang Menteri Besar yang terdiri daripada ahli-ahli UMNO. Di antaranya yang paling baru ialah di negeri Kedah. Menteri-Menteri Besar boleh ditukar-ganti, tetapi apa yang meragukan ialah tentang sejauh mana keikhlasan pucuk pimpinan PAS yang melakukan perbuatan-perbuatan ini dengan tidak mahu berunding terlebih dahulu dengan kita.

Di manakah letaknya semangat kerjasama pucuk pimpinan PAS dalam Barisan Nasional? Apakah salahnya jika perkara ini dirundingkan dengan kita terlebih dahulu? Jika kita sanggup merundingkan terlebih dahulu mengenai hal-hal negeri Kelantan dengan pucuk pimpinan PAS, mengapakah pucuk pimpinan PAS mahu membelakangkan kita mengenai hal di negeri-negeri yang lain? Sungguh sukar sekali bagi kita hendak memahami tindak-tanduk pucuk pimpinan PAS ini.

Setelah menimbulkan gejala-gejala ini, pucuk pimpinan PAS melahirkan hasrat hendak terus kekal dalam Barisan Nasional. Kita sungguh tidak faham dengan sikap dan pendirian pucuk pimpinan PAS ini.

Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah yang akan datang pada 17 Disember ini sudah pasti akan menimbulkan perbalahan yang hebat. Tidakkah pucuk pimpinan PAS sedar atas perkara ini? Apakah tujuan pucuk pimpinan PAS berbuat demikian? Bukankah ini semuanya merupakan gejala-gejala yang sengaja ditimbulkan dengan niat hendak memecah-belahkan Barisan Nasional? Di negeri Johor pula, pucuk pimpinan PAS di sana telah memberi amaran yang merupakan kata dua bahawa calon-calon PAS akan bertanding dalam semua kawasan pilihan raya menentang Barisan Nasional.

Dalam Pilihan Raya (Umum) 1974, UMNO sebenarnya menghadapi kesulitan kerana terpaksa bertolak-ansur dengan memberikan beberapa kerusi baru dan kerusi tambahan kepada PAS. UMNO terpaksa berbuat demikian semata-mata dengan tujuan hendak mewujud dan mengekalkan semangat kerjasama UMNO dan PAS demi kepentingan dan faedah rakyat.

Pucuk pimpinan PAS telah juga memberi amaran bahawa kohnnya lima buah negeri di Semenanjung Malaysia akan menerima nasib seperti di Pulau Pinang. Agaknya mereka merujuk kepada peristiwa Pilihan Raya (Umum) 1969 dahulu jika sekiranya PAS meninggalkan atau dikeluarkan dari Barisan Nasional. Ugutan dan ancaman seperti ini merupakan satu provokasi yang merbahaya. UMNO mempunyai maruahnya sendiri.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kita seringkali juga mendengar dari pucuk pimpinan PAS desakan supaya PAS mengkaji semula kedudukannya dalam Barisan Nasional. Perkara ini telah dibangkitkan dalam tiap-tiap Perhimpunan Agung PAS selama tiga tahun berturut-turut setelah PAS menyertai gabungan besar ini. Penubuhan ranting-ranting PAS dalam kawasan-kawasan UMNO juga menimbulkan kecurigaan dan boleh membangkitkan salah saham di kalangan rakyat. Banyak lagi perbuatan dan tindakan pucuk pimpinan PAS yang meragukan.

Kita sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh memelihara perpaduan Barisan Nasional, tetapi bagaimakah perpaduan dapat dikekalkan jika ada pihak-pihak yang tidak mahu mengikuti peraturan dan tidak mahu mematuhi keputusan yang dipersetujui oleh ramai? Perpaduan yang hanya ada pada nama sahaja tidak membawa erti apa-apa dan tidak berfaedah.

Walaupun Barisan Nasional terpaksa berpecah, tetapi ini tidak bererti pembangunan akan terjejas dan terhenti. Pembangunan tetap akan berjalan terus. Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru mesti dijayakan dengan sepenuh-penuhnya. Inilah janji saya kepada rakyat sekalian.

Berikutan dengan berlakunya kejadian-kejadian ini, saya telah mengadakan sidang tergempar Dewan Tertinggi Barisan Nasional pada 5 Disember 1977. Fasal 14 Perlembagaan Barisan Nasional membolehkan dengan suara majoriti memecat parti-parti ahli yang bergabung yang didapati melanggar disiplin, tetapi Barisan Nasional sekali-kali tidak berniat hendak menggunakan fasal tersebut bagi memecat PAS. Barisan Nasional

masih lagi, jika boleh, berkehendakkan PAS tinggal kekal dalam Barisan Nasional. Sungguhpun demikian, disiplin parti mesti dipelihara dan dipatuhi kalau kita mahu melihat Barisan Nasional hidup berpanjangan. Oleh itu, satu usul yang merupakan suatu tolak-ansur sebagai jalan keluar yang sebaik-baiknya bagi menyelesaikan masalah ini telah dikemukakan dalam sidang Dewan Tertinggi Barisan Nasional itu.

Tolak-ansur itu merupakan usul yang berkehendakkan supaya parti-parti anggota yang ahli-ahlinya didapati menentang arahan *party whip* mengenai sesuatu masalah yang dibentangkan di dalam Dewan Rakyat, Dewan Negara atau Dewan Negeri hendaklah mengambil tindakan disiplin terhadap (mereka) dengan memecat mereka itu dari parti masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Apabila semangat kerjasama yang tulus ikhlas itu luput dan disiplin parti telah diketepikan, Barisan Nasional sudah tentu akan pecah dan musnah. Jika ini berlaku tentulah tidak berguna lagi. Eloklah kekusutan yang berlaku ini diselesaikan sekarang juga kerana jika dibiarkan berlanjutan akan merugikan Barisan Nasional dan rakyat.

Daripada sebelas buah parti anggota dalam Barisan Nasional, sembilan telah menyokong, PPP berkecuali dan PAS menentang usul itu. Keputusan suara terbanyak ini telah dimaklumkan dengan secara rasmi kepada pucuk pimpinan PAS.

Memandangkan betapa pentingnya masalah yang kita hadapi ini, saya telah mengadakan Mesyuarat Khas Majlis Tertinggi UMNO malam tadi. Majlis Tertinggi UMNO telah membincangkan dengan teliti segala akibatnya, terutama sekali tentang

sikap pucuk pimpinan PAS yang ada sekarang yang terang-terang menggugat perpaduan Barisan Nasional khususnya dan perpaduan orang Melayu amnya. Kami berpendapat bahawa haruslah diwujudkan kesungguhan dan keikhlasan bagi memperkuatkan Barisan Nasional.

Memandangkan kepada perbuatan, sikap dan pendirian pucuk pimpinan PAS selama ini, maka UMNO berpendapat (bahawa) kerjasama yang erat tidak mungkin dapat terus wujud di antara UMNO dengan PAS dalam Barisan Nasional.

Oleh yang demikian, bagi mengelakkan pertelingkahan ini berpanjangan yang akhirnya akan membawa perpecahan kepada Barisan Nasional, Majlis Tertinggi UMNO telah dengan perasaan amat dukacita mengambil pendirian (bahawa) jika pucuk pimpinan PAS tidak mematuhi dan mengambil tindakan sebagaimana yang dikehendaki di dalam resolusi yang telah dipersetujukan oleh Barisan Nasional dalam Mesyuarat Dewan Tertingginya pada 5 Disember yang lalu, UMNO akan meminta diadakan Mesyuarat Khas Dewan Tertinggi Barisan Nasional supaya dipersetujukan resolusi memecat PAS dari Barisan Nasional.

Pagi ini saya telah menyampaikan pendirian UMNO itu kepada ketua-ketua parti anggota Barisan Nasional. Ketua-ketua parti anggota Barisan Nasional dalam perjumpaannya pagi ini telah bersetuju supaya Mesyuarat Khas Dewan Tertinggi Barisan Nasional diadakan pada 13 Disember yang akan datang ini.

Inilah tujuan kami mengadakan perjumpaan dengan Ketua-Ketua Bahagian-Bahagian UMNO petang ini bagi menjelaskan pendirian yang telah diambil oleh Majlis Tertinggi UMNO itu.

UMNO sudah membuat keputusan dan menentukan pendiriannya. Keputusan dan pendirian itu adalah dibuat dengan hati yang suci, demi kepentingan Barisan Nasional dan negara. Saya yakin, dengan kesucian hati kita itu, Allah akan memberkati perjuangan kita.

Saya merayu kepada semua ahli UMNO supaya bertenang dan terus menjalankan tanggungjawab kita dengan lebih berhati-hati lagi, lebih bersungguh-sungguh lagi dan lebih berdedikasi lagi. Masa hadapan Barisan Nasional ialah masa cabaran. Kita akan menghadapi dengan meminta petunjuk dan keredhaan Allah.

Dengan ini maka kita menyerahkan diri kita sepenuhnya kepada Allah.

(Sumber: Teks ucapan Presiden UMNO, Hussein Onn, di dalam Perjumpaan Ketua-Ketua Bahagian UMNO pada 9 Disember 1977 bertajuk "Mengapa PAS Disingkir", dlm. Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof (1997). Amanat Presiden: Landasan Bagi Pembinaan Bangsa Dan Negara (Jilid II). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. Hlm. 234-242)

## APENDIKS G

Pendedahan Akhbar Mengenai Hasrat Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda,

Untuk Menyertakan Semula PAS Di Dalam Barisan Nasional

Kota Bharu, Selasa - Yang Dipertua Agung PAS, Dato' Haji Asri Haji Muda, dikatakan sedang memikirkan dengan serius sama ada untuk membawa PAS menyertai semula Barisan Nasional atau tidak.

Menurut sumber rasmi Perhubungan PAS Negeri, satu mesyuarat khas diadakan antara Dato' Asri dengan para pemimpin tertinggi PAS di sini malam tadi (bagi) membincangkan strategi PAS dan soal tawaran Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya PAS menyertai BN.

Antara tokoh-tokoh yang hadir dalam mesyuarat itu ialah (Ahli-)Ahli Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS, Wan Ismail Ibrahim dan Mohd Zahari Awang, (dan) Timbalan Pesuruhjaya PAS Kelantan, Khairul Khatib.

Yang lainnya (ialah) Setiausaha PAS Jeli, Nik Mohd Mustapha Shafie; Yang Dipertua PAS Bachok, Mohd Zain Abdullah; Setiausaha Pemuda PAS Negeri, Wan Ibrahim Abdullah; Yang Dipertua PAS Pasir Mas, Nik Abdul Rahman Nik Mohamad; Manan Mohamad dan penyokong-penyokong PAS.

Dato' Haji Asri sekarang dikatakan berada dalam dilema untuk menentukan nasib masa depan PAS di negara ini kerana sudah kecewa dengan kekalahan teruk PAS dalam

pilihan raya baru-baru ini di negeri-negeri Kedah, Perlis, Pahang, Johor, Perak dan Selangor, kecuali negeri Terengganu dan Kelantan (di mana) PAS menambah bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen.

Menurut sumber itu lagi, Dato' Haji Asri begitu berhasrat untuk membawa PAS menyertai BN atas dasar perjuangan PAS dalam masa 20 tahun akan datang serta keyakinan penuh (beliau) terhadap pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memenuhi kehendak masyarakat Islam di negara ini.

Para pemimpin PAS di Kelantan sekarang berbelah-bagi sama ada menerima keputusan Dato' Haji Asri atau menghadapi kemungkinan berlaku perpecahan dalam parti kerana terdapat segolongan pemimpin dan ahli PAS yang tidak mahu menyertai BN.

Berita Harian difahamkan, para pemimpin PAS di belakang Dato' Haji Asri yang menyokong kemasukan semula PAS dalam BN ialah Mohd Zahari Awang, Wan Ismail Ibrahim, Nik Mohd Mustapha Shafie, Nik Abdul Rahman Nik Mohamad, Mohd Zain Abdullah (Ahli Parlimen (PAS) Bachok), Wan Ibrahim Abdullah (Ahli Parlimen (PAS) Pasir Mas), Manan Mohamad dan Salahuddin Abdullah.

Manakala yang bersikap berkecuali (ialah) Ketua Dewan Ulama', Ustaz Haji Nik Aziz Nik Mat, yang juga Ahli Parlimen (PAS) Pengkalan Chepa, dan Nik Abdullah Arshad.

Menurut jurucakap Perhubungan PAS Kelantan, terdapat pula segolongan penyokong PAS yang menentang ura-ura kemasukan PAS sebagai anggota komponen BN, (di mana golongan ini) dikatakan diketuai oleh Ahli Parlimen (PAS) Rantau Panjang, Hassan Mohamad, dan Hassan Ishak, peguam yang menang tanpa bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Kemumin.

Yang Dipertua Agung PAS itu juga dikatakan bimbang akan timbul satu tentangan yang hebat dari dalam PAS sendiri jika ia menyahut seruan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad itu.

Bagaimanapun, jika Dato' Haji Asri berjaya menyeimbangkan kedudukan dua kumpulan, (iaitu) antara yang menyokong dan menentang kemasukan PAS ke dalam Barisan Nasional, dengan memberi penerangan dan hujjah perjuangan jangka panjang PAS ini, kemungkinan besar (beliau) dapat meredakan penentangan tersebut.

(Sumber: "PAS kaji rujuk ke BN?", dlm. Berita Harian, 28 April 1982)

## APENDIKS H

Penolakan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat,

Terhadap Usaha Untuk Menyertakan Semula PAS Di Dalam Barisan Nasional

Perjuangan kita dalam bentuk pilihan raya telah berhenti setakat 22 April 1982 (lalu). Oleh kerana Islam itu berpanjangan hingga kiamat, maka perjuangan PAS yang berdasarkan Islam itu mesti dipanjang-panjangkan turun-temurun sampai kiamat juga.

Sebelum berlaku pilihan raya, kita telah ditawar supaya memasuki semula Barisan Nasional dengan pelbagai alasan yang semuanya sedap dan manis-manis belaka. Kita telah menolak tawaran itu dengan alasan antaranya:

Bahawa kita telah pun menerima jemputan mereka dulu, tapi fe'el dan angkara tuan rumah "yang budiman" dulu membuat kita masih terasa pahit maungnya hingga sekarang. Dan bukan sifat orang mukmin, kata Rasulullah, membiarkan dirinya disengat dua kali di lubang yang sama.

Tawaran mereka merupakan pengisyiharan terbuka tentang kegagalan Parti BERJASA sebagai anak kandung yang sengaja mereka lahirkan khusus untuk menukul kita. Dan ini merupakan nikmat besar dari(pada) Allah 'azza wajalla untuk kita bezakan mana satu yang benar dan yang sesat.

Kita menolak tawaran mereka kerana kalau UMNO telah sanggup bertelagah dengan tetamu jemputannya sendiri (PAS) semasa Barisan dahulu, sekalipun sama

bahasa, sama bangsa, sama kebudayaan, sama mengucap dua kalimah syahadah, cuma berlainan corak pemikiran sahaja--yang satu bercorak kebangsaan manakala yang satu lagi bercorak keislaman--maka apa kata bila berdepan dengan yang berlainan bahasa, berlainan bangsa, berlainan kebudayaan dan, yang terpenting, berlainan cara "mengucap"? Apa yang dapat dibuat hanyalah memerintah--memerintah sepetimana kerajaan-kerajaan dunia memerintah, baik dulu atau sekarang.

Paling banyak perkara yang kita akan dapat--kalau diterima tawaran--hanyalah kerusi-kerusi Menteri dan kemudahan-kemudahan hidup dunia, manakala perjuangan kebangsaan pragmatis yang mereka anuti dan diyakini sesat itu kita tak dapat ubah juga, bahkan besar kemungkinan mereka semakin lena dengan kesesatan (mereka), bila kita berada bersama mereka, padahal mengubah dan mengalih corak pemikiran manusia dari bertuhankan nafsu/*taghut* kepada keesaan Allah di segenap lapangan itulah dikira sebesar-besar kejayaan yang pernah dilakukan oleh para anbia' dan rasul-rasul a.s.. Perubahan corak pemikiran mereka sekarang dapat dirasa benar-benar setelah rakyat memberi sambutan hebat terhadap ceramah-ceramah dan usrah-usrah serta kuliah-kuliah yang diberi oleh PAS dengan penuh tekun dan sabar hingga memaksa mereka mengubah haluan dari membesar-besarkan perkara-perkara kebangsaan dengan mengeluarkan kata-kata keji yang memperlekehkan Islam sebagai perkara yang boleh menimbulkan pecah-belah, huru-hara dan sebagainya. Mereka mula bercakap tentang Islam, parti Islam yang ketiga besarnya di dunia dan lain-lain. Saya yakin sepenuhnya kalau keadaan ini dapat kita teruskan dengan lebih gigih lagi maka *hidayah* dan pertolongan daripada Yang Maha Kuasa akan berlipat-ganda lagi. Dan terlepaslah umat Nabi Muhammad s.a.w. dari dilanda oleh penyakit was-was dan ragu terhadap kebolehan Islam dan kesucian al-Qur'an al-Karim yang dijamin sebagai *rahmatan lil 'alamin* bukan *laknatan 'alal 'alamin*.

Kita melalui PAS telah melakukan ini semua walaupun dalam serba kekurangan kerana berpandu kepada maksud ayat al-Qur'an: "Kerana tidak akan mengenai mereka dahaga, penat, lapar di jalan Allah dan melangkah langkahan yang memarahkan orang-orang kafir, dan mereka tidak terkena apa-apa kepayahan dari musuh, melainkan Allah menulis bagi mereka amal yang salih, kerana Allah tidak sia-siakan pahala orang-orang berbuat baik, dan mereka tidak berbelanja baik pun kecil atau besar, dan mereka tidak melintasi mana-mana padang atau lembah, melainkan Allah menulis semuanya" (Ayat 120 Surah al-Tawbah).

Kita menolak tawaran itu dan serentak dengan itu kita ulangi berkali-kali supaya mereka ubahkan dasar parti mereka dari bersifat kebangsaan pragmatis kepada Islam dengan terang dan jelas, nescaya seluruh umat Islam akan bersatu-padu tak payah diajak-ajak dan ditawar-tawar lagi, lebih-lebih lagi mereka sendiri selalu menyebut bahawa MCA dan MIC tak pernah mencabar Islam (Berita Harian, Isnin, 19 April 1982).

Pada akhirnya, marilah kita mengucap syukur ke hadrat Allah s.w.t. atas limpah kurnia-Nya memberi kejayaan kepada perjuangan ini dan kepada semua pekerja, pengundi dan penyokong PAS yang telah memberi kerjasama masing-masing untuk perjuangan Islam ini: (Maka berusahalah kamu, Allah akan melihat, begitu juga Rasul-Nya dan orang-orang mukmin).

(Sumber: Siaran Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, bertarikh 28 April 1982 bertajuk "Syukur Dan Terima Kasih")

## APENDIKS I

Pendedahan Akhbar Mengenai Kewujudan Krisis Di Antara  
Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat,  
Dan Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda

Kota Bharu, Khamis - Krisis besar sedang berlaku dalam pucuk pimpinan PAS sekarang antara Yang Dipertua Agungnya, Dato' Haji Mohd Asri, dengan Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat, Ustaz Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, berhubung dengan pilihan raya umum lalu.

Para pemimpin PAS, khususnya di Kelantan, menganggap krisis tersebut sebagai "retak menunggu belah" dari segi kepimpinan dan ketokohan dalam parti.

Krisis tersebut juga dianggap paling serius dalam sejarah politik PAS bila Ustaz Nik Aziz yang juga Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan memberi kata dua--sama ada beliau mengundur diri atau sebaliknya--sebagai jalan menyelesaikan segala masalah.

Rahsia ini didedah sendiri oleh Ustaz Nik Aziz (Ahli Parlimen Pengkalan Chepa) dalam ucapan terus-terangnya di satu perjumpaan khas secara tertutup dengan sebahagian pemimpin PAS Kelantan di sini awal bulan ini.

Menurut sumber-sumber yang menghadiri perjumpaan itu, dalam ucapan kira-kira satu jam itu, Ustaz Nik Aziz dari awal hingga akhir meluahkan perasaan yang terpendam selama ini dengan mengkritik kepimpinan Dato' Asri, khususnya berhubung

dengan soal perlantikan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Calon PAS dan cara pemilihan calon parti itu dalam pilihan raya umum baru lalu.

Sumber-sumber itu memberitahu Berita Harian hari ini, Ustaz Nik Aziz sangat-sangat tidak puas hati dan mempertikaikan (tindakan) Dato' Asri melantik beliau sendiri (Asri) menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Calon PAS bagi negeri Kelantan yang disifatkan sebagai "rampas kuasa".

Ustaz Nik Aziz mendakwa, Dato' Asri bertindak demikian tanpa berunding atau memberitahu beliau terlebih dahulu sebagai Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan.

Ustaz Nik Aziz sepatutnya dilantik sebagai pengerusi jawatankuasa tersebut memandangkan beliau memimpin PAS Kelantan.

Kata sumber-sumber itu, Ustaz Nik Aziz menyifatkan dirinya telah diperalatkan oleh Dato' Asri bagi memimpin PAS Kelantan sewaktu parti dalam krisis besar dan bila keadaan cerah semula berlakulah "rampas kuasa" untuk membersihkan namanya.

Ustaz Nik Aziz mendakwa, selepas Pilihan Raya Umum 1978 di mana PAS kalah teruk, beliau telah dilantik oleh Dato' Asri sebagai Pesuruhjaya PAS Kelantan kerana, menurut Yang Dipertua Agung PAS itu, tidak ada tokoh yang layak dan berani memimpin parti itu di negeri ini ketika itu, termasuk Dato' Asri sendiri.

Dalam hubungan ini, Dato' Asri dikatakan telah mengingatkan seluruh pemimpin dan ahli PAS Kelantan supaya jangan mengganggu-gugat tugas-tugas Ustaz Nik Aziz untuk memulihkan kembali maruah dan pengaruh PAS di negeri ini.

Kata sumber-sumber itu lagi, Ustaz Nik Aziz memberitahu dalam perjumpaan itu, menjelang pilihan raya umum lalu, Dato' Asri menyebut beberapa kali kepadanya (Nik Aziz) bahawa "kabinet Ustaz Nik Aziz ialah kabinet menang".

Menjelang hari penamaan calon, satu mesyuarat diadakan di Kuala Lumpur bagi melantik pengerusi-pengerusi jawatankuasa pemilihan calon setiap negeri.

Dalam mesyuarat itu, Dato' Asri sebagai Yang Dipertua Agung mengumumkan seorang demi seorang tokoh-tokoh yang dilantik mengetuai jawatankuasa tersebut (di) peringkat negeri masing-masing.

Menurut Ustaz Nik Aziz, bila sampai kepada negeri Kelantan, Dato' Asri menyebut namanya sendiri menjadi pengerusi jawatankuasa pemilihan calon PAS itu dan beliau (Nik Aziz) hanya dilantik sebagai salah seorang ahli jawatankuasa sahaja.

Ustaz Nik Aziz juga mendakwa, keputusan dan tindakan Dato' Asri itu (dibuat) tanpa berunding dan memberitahu beliau terlebih dahulu--Dato' Asri orang pertama mengganggu tugasnya sebagai Pesuruhjaya PAS Kelantan yang bertentangan dengan arahan beliau (Dato' Asri) supaya para pemimpin PAS Kelantan tidak berbuat demikian.

Ustaz Nik Aziz menyifatkan tindakan Dato' Asri itu sebagai "rampas kuasa dan potong *trip*".

Menurut sumber-sumber itu lagi, Ustaz Nik Aziz menyebut sama ada beliau undur diri atau sebaliknya sebagai jalan menyelesaikan masalah kerana beliau tidak dapat memimpin PAS Kelantan dalam keadaan sekarang.

Para hadirin terdiri dari(pada) lebih 200 orang di perjumpaan itu, sebahagian besarnya pemimpin PAS seluruh Kelantan, meminta Ustaz Nik Aziz terus memimpin PAS Kelantan dan jangan sekali-kali berundur.

Berita Harian difahamkan, dalam krisis sekarang, Ustaz Nik Aziz mendapat sokongan penuh dari Dewan Pemuda dan Dewan Ulama' PAS (di) semua peringkat.

Dalam urusan pemilihan calon-calon PAS bagi beberapa kawasan di Kelantan, perjumpaan itu diberitahu oleh Ustaz Nik Aziz bahawa Dato' Asri membelaikan pandangan beliau.

Sumber-sumber itu memberitahu lagi, Ustaz Nik Aziz juga mendedahkan bahawa kepimpinan Dato' Asri sebagai ketua parti mula diragui dan tidak mendapat sokongan penuh parti (di) peringkat negeri-negeri.

Ustaz Nik Aziz mendakwa, Dato' Asri tidak boleh masuk ke negeri Terengganu atas nama Yang Dipertua Agung PAS sejak tahun 1978 kerana dikatakan berkrisis besar

dengan beberapa orang pucuk pimpinan PAS negeri itu dan (beliau) juga tidak boleh memberi ceramah di Pahang atas masalah yang sama.

Tokoh ulama' PAS itu mendakwa, isu kerjasama PAS-DAP dan (isu) penyertaan semula PAS dalam Barisan Nasional ditentang sekeras-kerasnya oleh Dewan Pemuda PAS Pusat sehingga perwakilan Dewan Pemuda itu menemui Dato' Asri di sini tidak lama dahulu (bagi) menyampaikan bantahan itu.

Menurutnya, daripada situlah pengaruh Dato' Asri tidak begitu bisa seperti dahulu.

Sumber-sumber itu berkata, Ustaz Nik Aziz mendakwa, sekiranya beliau "meluahkan" perkara tersebut sebelum pilihan raya lalu, kemungkinan besar PAS tidak akan menang satu kerusi pun di Kelantan.

(Sumber: "Krisis pucuk pimpinan PAS Kelantan", dlm. Berita Harian, 25 Jun 1982)

## APENDIKS J

Pengesahan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan,  
Nik Abdul Aziz Nik Mat, Mengenai Kewujudan Krisis Di Antara Beliau  
Dan Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda

Kota Bharu, Isnin - Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat, Ustaz Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, hari ini terus-terang mengaku berlakunya krisis antara beliau dengan Yang Dipertua Agung PAS, Dato' Haji Mohd Asri Muda, berhubung dengan pilihan raya umum lalu.

Berita Harian keluaran 25 Jun lalu melaporkan krisis besar sedang berlaku dalam pucuk pimpinan PAS antara Dato' Asri dengan Ustaz Haji Nik Aziz berhubung pilihan raya umum baru lalu.

Ustaz Nik Aziz ketika dihubungi hari ini berkata, memang benar berlaku krisis antara beliau dengan Dato' Asri berhubung dengan satu masalah dalam pilihan raya umum lalu.

Ustaz Nik Aziz yang juga Pesuruhjaya PAS Kelantan dan Ahli Parlimen Pengkalan Chepa memberi kata dua--sama ada beliau mengundur diri atau sebaliknya-- sebagai jalan penyelesaian kepada segala masalah.

Katanya, "Ana tidak mahu krisis itu menjadi besar hingga menggugat kedudukan parti, sebab itulah *ana* tawar diri untuk berundur dari memimpin PAS Kelantan".

Ustaz Nik Aziz berkata, beliau sedia "berdamai" untuk menyelesaikan krisis itu demi kepentingan parti seluruhnya.

Beliau tidak menghalang sebarang usaha ke arah itu, tetapi, menurutnya, sehingga ini belum ada usaha ke arah itu.

Ustaz Nik Aziz berkata lagi, sepatutnya, dalam soal ini, "orang berkenaan" menemui beliau dalam mencari titik penyelesaian.

"Orang-orang tidak berkenaan ada menemui *ana*, ini membuat *ana* tidak faham, mengapa orang berkenaan tidak datang sendiri", ujarnya.

Ustaz Nik Aziz menegaskan, campur tangan orang-orang yang tidak berkenaan tidak akan dapat menyelesaikan masalah.

Beliau berharap, krisis tersebut dapat diselesaikan secara keluarga.

Ditanya adakah beliau sedar pertemuan Dato' Asri dengan beberapa orang tok-tok guru yang berpengaruh di beberapa kawasan di negeri ini beberapa hari lalu yang dikaitkan oleh para pemimpin PAS Kelantan ada kaitan dengan krisis tersebut, Ustaz Nik Aziz berkata: "*Ana* cuma mendengar perkara itu dari cakap-cakap orang, cara itu tidak akan menyelesaikan masalah".

Ustaz Nik Aziz berkata, tawarannya untuk undur diri telah dihalang oleh Dewan Harian PAS negeri ini (serta oleh) Jawatankuasa Dewan Ulama' Pusat dan Negeri,

dengan alasan bahawa mandat Pejabat Agung Parti dan Dato' Asri sendiri sebagai Yang Dipertua (Agung) PAS mengakui beliau satu-satunya tokoh yang boleh memimpin dan memulihkan PAS Kelantan selepas krisis pucuk pimpinan parti dalam tahun 1978.

Ustaz Nik Aziz menegaskan, berdasarkan itu, beliau terus memimpin PAS Kelantan sehingga tamat tempoh jawatan tersebut tahun depan.

Kepada soalan lain, Ustaz Nik Aziz berkata: "*Ana akan terus menjadi ahli PAS dan berjuang dalam gerakan Islam walaupun tidak lagi memimpin PAS negeri ini*".

Ustaz Nik Aziz meluahkan rahsia krisis beliau dengan Dato' Asri itu dalam ucapan terus-terangnya di satu perjumpaan khas tertutup dengan sebahagian pemimpin PAS Kelantan yang kebanyakannya terdiri dari(pada) tenaga-tenaga penerangan parti itu di sini pada 5 Jun lalu.

Dalam ucapannya di perjumpaan itu, Ustaz Nik Aziz mengkritik pimpinan Dato' Asri, khususnya berhubung dengan soal perlantikan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Calon PAS dan cara-cara pemilihan calon parti itu dalam pilihan raya umum lalu.

Ustaz Nik Aziz tidak puas hati dan mempertikaikan Dato' Asri melantik dirinya sendiri (Dato' Asri) menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Calon PAS bagi negeri Kelantan yang disifatkannya sebagai "rampas kuasa dan potong *trip*".

Menurut Ustaz Nik Aziz, Dato' Asri berbuat demikian tanpa berunding atau memberitahu beliau terlebih dahulu sebagai Pesuruhjaya PAS Kelantan.

Ustaz Nik Aziz sepatutnya dilantik mengetuai jawatankuasa tersebut memandangkan (beliau) memimpin PAS Kelantan.

Dalam konteks ini, Ustaz Nik Aziz menyifatkan dirinya telah diperalatkan oleh Dato' Asri.

(Sumber: "Nik Aziz akui krisis dengan Asri: Masalah dalam pilihan raya umum lalu", dlm. Berita Harian, 6 Julai 1982)

## APENDIKS K

Reaksi Mohd Asri Muda Terhadap Usaha Untuk Menyingsirkan Beliau

Dari Jawatan Yang Dipertua Agung PAS

Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana diberi-Nya kepada saya peluang yang baik dapat hadir bersama-sama dengan saudara-saudara sekalian pada malam ini, dapat tumpang berdiri bersama-sama dan mendapat peluang pula untuk menyampaikan ucapan perasmian. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa PAS Kawasan Kota Bharu kerana sudi menjemput saya menunaikan tugas bagi merasmikan mesyuarat agung kita pada malam ini.

Saudara-saudara sekalian,

Kewajipan kita mengadakan mesyuarat agung tahunan adalah kewajipan biasa. Adalah menjadi kewajipan biasa bagi tiap-tiap kita mengadakan mesyuarat agung tahunan untuk menunaikan tugas dan kewajipan kita sebelum daripada dapat kita hadir ke Muktamar PAS yang diadakan tiap-tiap tahun. Maka jelaslah bahawa mengadakan mesyuarat agung itu termasuk satu daripada tugas parti, satu daripada amanah parti, dan kewajipan parti kita dan mana-mana parti politik pun dalam negara demokrasi seperti ini adalah menyempurnakan kehendak-kehendak dan lunas-lunas yang diatur oleh parti itu sendiri. Satu daripada lunas ialah muktamar ataupun mesyuarat agung kita, selain daripada mesyuarat-mesyuarat biasa, mesyuarat jawatankuasa, mesyuarat apa saja, yang patut dibuat bagi memajukan parti kita, bagi mencapai kejayaan cita-cita perjuangan kita.

Pada malam ini, kita, Kawasan Kota Bharu, mengadakan muktamar atau mesyuarat agung bagi menunaikan satu daripada tugas kita. Dengan berlangsungnya mesyuarat agung pada malam ini, parti kita telah selesai dalam suatu tahap menyempurnakan tugas dan amanah yang kita pikul. Tinggal lagi amanah kita bagi tahun ini ialah hadir ke dalam Mesyuarat Agung atau Muktamar PAS yang akan diadakan, setakat hari ini, ialah pada 22, 23 dan 24 haribulan ini, bulan Oktober, di Kuala Lumpur. Biasa, bila menjelang muktamar seperti ini, angin ribut agak kencang sedikit, daun-daun kayu pun bergoyang banyak, dan kadang-kadang kalau ada daun kering, jatuh bertaburan, tapi jika ada daun yang hijau teguh, kuat bagaimana sekalipun angin, daun itu tetap kekal dan tidak jatuh.

Parti PAS sebagai sebuah parti politik, parti pembangkang, parti *mu'aradahah*, parti *opposition*, tidak sunyi daripada dipukul oleh ribut atau angin. Barangkali, kalau saudara ingat, tiap kali kita nak mengadakan muktamar angin ribut seperti itu bertiup kencang, ada hal orang nak berhenti, ada hal orang-orang nak bersara, ada hal yang macam-macam. Pada masa yang lalu, bila ada berita yang seumpama itu, cepat-cepat orang-orang PAS menepis, menolaknya ke tepi seperti daun-daun kayu kering yang dipukul angin jatuh ke bawah, cepat-cepat kita bekerjasama *berta'awun* mengambil penyapu sampah menyapu daun-daun kering itu ke tepi. Jika perlu, sampah-sampah itu dibakar atau ditimbus atau diangkut buang dengan lori-lori sampah.

Demikianlah lazimnya pada masa-masa yang telah lalu yang kita telah buat. Tapi, pada masa yang akhir ini, ternyata barangkali kerana letih menghadap pilihan raya, kerana letih kerja kuat menjelang 24 haribulan empat tahun ini, banyak sampah-sampah kering yang dipukul angin itu terbiar tidak bersapu. Banyak daun-daun kering yang

gugur itu terbiar tidak bersapu, malahan ada setengah-setengah pula bukan saja tidak menyapu, tetapi mengambil daun-daun kering itu untuk dijadikan bahan memukul balik kepada batang pokok yang sudah tentu ada daun-daun kering.

Inilah yang nampaknya berlaku sehari dua ini apabila keluar berita dalam Utusan Melayu dan Utusan Malaysia tentang kononnya saya akan bersara dari politik, maka keluarlah pada hari ini kata sambutan daripada negeri Kelantan Darul Na'im ini, kata sambutan daripada orang yang tidak ditulis nama, tetapi yang bertanggungjawab kepada parti di negeri Kelantan ini, menyambut: "Kalau Asri nak bersara, memang patut dia kena bersara". Dan ada (lagi) kata-kata yang lainnya diulang, memanjangkan kalimah sahaja.

Inilah perkembangan baru dalam masyarakat Parti PAS di zaman muta'akhir ini dan inilah hasil kematangan kita berpolitik selama 30 tahun lebih. Daripada kita menjadi anak buah yang setia dan patuh beralih kepada anak buah yang sudah cerdik dan pandai dan tidak kenal lagi erti patuh. Daripada anak buah yang kita kutip dan pungut, setengah-setengahnya daripada pesisiran jalan, dibawak ke tengah medan, dijadikan orang atasan, dijadikan orang yang duduk di tengah-tengah, menjadi orang-orang yang terlalu ke tengah, sampai tidak tercapai oleh orang-orang yang di sekelilingnya.

Memang, dalam dunia politik, bertambah lama umurnya, bertambah banyak pengalaman. Tetapi ada juga orang, bertambah lama berjuang, bertambah bosan, bertambah jemu. Ada juga orang, bertambah lama berjuang, bertambah timbul minatnya untuk, seperti kata orang, cacing naik ke muka. Tapi ini sebenarnya adalah lumrah dalam kehidupan masyarakat moden seperti ini, tak ada siapa yang boleh melarang, suatu

kebiasaan yang berlaku dalam masyarakat politik. Turun naik, rapat dan renggang, adalah perkara yang biasa.

Banyak orang yang cuba hendak meniru *style* revolusi daripada negeri Iran misalannya. Kalau-lah kita juga meniru seratus peratus revolusi negeri Iran, orang-orang yang gatal seperti cacing kepanasan seperti ini dalam revolusi tak ada istilah. Biasanya, dalam revolusi, ia akan habis tenggelam digulung oleh revolusi itu. Dalam revolusi, orang-orang yang patuh dan bergerak dengan secara disiplin, secara *nizam* yang teratur, sahaja yang diakui boleh hidup dan boleh bergerak dengan maju dan jaya. Walau bagaimanapun, kita bukan negeri revolusi, negeri kita ialah negeri demokrasi, siapa sahaja boleh bergerak, siapa sahaja boleh bercakap, siapa sahaja boleh naik ke atas kalau ia dipilih dan diangkat ke atas.

Saudara-saudara para hadirin sekalian,

Malam ini saya nak menjelaskan sedikit sahaja sikap saya. Apa yang terbit di dalam suratkhabar berkenaan dengan kes bersara atau tidak bersara hanya satu gambaran yang terlalu kabur dan samar-samar. Saya, bila suratkhabar datang kepada saya, bertanya dengan kes bersara, yang saya boleh jawab ialah: "Kita berparti, persaraan seseorang pemimpin atau seseorang petugas bergantung kepada parti. Kalau orang parti memilihnya, sekalipun ia bercadang hendak bersara, kadang-kadang tugas batinnya memaksa ia memegang terus jawatan itu, kecuali ada hal-hal yang berat yang tak dapat ia teruskan. Ini ialah *style* orang yang berparti".

Bila orang suratkhabar bertanya kepada saya, betulkah saya nak bersara, bagi saya, seorang orang parti, nak kata saya nak bersara pun tak boleh, nak kata saya tak nak

bersara pun tak boleh, sebab nak bersara atau tak nak bersara bergantung kepada kehendak orang ramai, kecuali saya dah tak upaya nak menjalani, dan jika orang ramai berkehendak sekalipun, saya tak larat nak memikulnya, ini boleh dimintak maaf daripada memegang jawatan atau apa saja. Jadi, kepada orang suratkhabar, bila dia tanya nak bersara (atau) tidak, saya kata, saya ni kalau boleh bersara, mahulah saya, tengoklah muktamar ni macam mana, dia bagi saya bersarakah, dia bagi saya bersara secara hormatkah, dia bagi saya bersara secara kucing kurapkah, itu bergantung kepada setinggi mana penghormatan dan setinggi mana pulak nilai akhlak orang-orang PAS ini sendiri.

Kalau orang-orang PAS ni akhlaknya sudah hancur, sudah jadi akhlak yang buruk, dah tak ada akhlak, cara menimbang-rasa sama sendiri pun dah tak ada, bila kita dah benci pada orang, kita panggil dia, kita tendang dia keluar, kita letak tepi tangga, tap, bagi sebijji, dia pun jatuh berguling-guling sampai ke bawah, itu apa boleh buat, terserahlah kepada sejarah, dan selain daripada sejarah, terserah kepada Allah yang menentukannya. Soalnya, bersara atau tidak bersara bergantung kepada orang ramai. Saya sendiri buat masa ini tidak dapat nak nyatakan apa-apa, nak kata tak hendak bersara, tak boleh; nak kata nak bersara, takut orang kata saya ni merajuk. Biarlah dulu, kita tunggu hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi sampai kepada hari Muktamar PAS, iaitu pada 22, 23 dan 24 haribulan ini, bulan Oktober. Di dalam majlis itulah baru boleh saya nyatakan.

Itu pun kalau nak dikira secara betul, ditinjau menimbang kepada umur jawatan yang dipegang oleh jawatankuasa yang ada pada masa sekarang, umurnya akan sampai kepada tahun 1983, ertinya umurnya hidup sampai kepada Muktamar PAS tahun (19)83, di mana pilihan baru akan dibuat, pada masa itu bergantunglah kepada keadaan. Kalau

kira umurnya, boleh tunggu sampai tahun (19)83. Tetapi ahli-ahli PAS boleh menyatakan suaranya dalam muktamar kali ini kalau dia tak setuju, dia boleh undi tidak percaya, dia boleh undi tidak percaya dengan alasan-alasan yang berbagai-bagai dan boleh seorang pemimpin atau beberapa orang pemimpin pun digulingkan dengan serta-merta dalam muktamar kali ini.

Maka sangatlah ganjil dan aneh kalaullah ada orang-orang PAS di negeri Kelantan ini mengatakan "kalau Asri berhenti sebelum muktamar ini pun lagi baik", kata dalam Utusan Zaman. Utusan Zamankah yang pelawok ataupun orang tu yang pelawok tak tahulah kita. Jadi, anehlah, peliklah bunyinya kalau ada orang PAS di Kelantan ni sanggup mengatakan begitu.

Saya tidak ada apa-apa, orang berkenan, *alhamdulillah*, orang tidak berkenan, apa boleh buat, ambillah balik amanah ini daripada saya, sesudah 30 tahun berjuang, kutip katak orang untuk memajukan PAS. Pak Nik 'Lah Arshad dulu tidak PAS, nak Pilihan Raya (19)59 kita 'gi 'jumpa dengan dia, pujuk masuk PAS, nak jadi calon pun tak 'dok duit, saya pergi berhutang rata untuk buang deposit. Demikianlah kita dalam keadaan serba kekurangan. Dan demikianlah orang-orang lain pun begitulah keadaannya dan kita adalah redha atas keadaan sedemikian sebab kita mencari kekuatan kita di kalangan saudara-saudara kita untuk memajukan kita.

Bila sampai masa, orang tak 'sir 'kita, kita boleh jugak gostan balik ke belakang, tetapi cara, cara yang tidak sihat, kalau boleh dielakkan dalam PAS ini, elaklah, sebab kita rasa malu kalau dalam PAS ni timbul cara tidak sihat, lebih tidak sihat, lebih kurang adab, lebih kurang ajar, daripada orang UMNO sendiri membuat pemimpin-pemimpin

dia--malulah kita, kerana kita adalah parti yang mengaku parti agama, parti yang memperjuangkan cita-cita Islam. Kita boleh menolak orang kita daripada atas ke bawah dalam keadaan yang biasa, tidak dalam keadaan luar biasa.

Saya sendiri pun, saudara-saudara sekalian, saya sedar bahawa hidup saya sekarang ini dalam keadaan yang dilema, pandang ke kanan pandang ke kiri, banyak nampaknya orang benci belaka, tak 'sir bersaing, tak 'sir berkira dah, bahkan sampai berani dah orang dalam suratkhabar pun mengeluarkan berita: "Asri patut berhenti". Tetapi masalahnya satu saja, saya masih rasa ada harga diri, saya masih ada, penghormatan diri saya tu masih ada, *dhamir* saya terasa yang masih ada terhormat lagi, jadi tidak boleh saya mengikut kehendak orang yang cara yang tidak hormat. Kalau saya nak mengundur diri pun dengan cara yang terhormat dan kalau orang tak 'sir kor saya pun nyatakan dengan cara terhormat, pada waktu yang terhormat, dengan cara-cara yang terhormat, barulah dapat kita menerima jawatan sebagai orang-orang yang terhormat.

Jadi, saudara-saudara sekalian, kalau kita nak selamatkan Parti PAS ini, kita terpaksalah mengelakkan diri kita seberapa yang boleh daripada melakukan kerja-kerja dan usaha-usaha secara tidak hormat, apa lagi kalau kita menjadi pemimpin atau kita menjadi ketua-ketua orang, kita kena buatlah dengan cara yang baik, cara yang teratur.

Orang yang bernama Asri ni adalah manusia biasa, manusia yang serba kurang, mungkin dia lebih kurang daripada saudara-saudara sendiri, tetapi kerana kebetulan dia dipilih oleh saudara-saudara, oleh ahli-ahli PAS, untuk menjadi ketua, bukan kerana dia lebih pandai dan lebih baik, tapi (kerana) dia dipilih. Adat, dalam Islam baik dalam apa baik sekalipun, bila kita pilih orang jadi ketua, kita akui lah dia ketua. Sehingga kita

lucutkan dia kemudian kelak, orang lain pulak naik, baru berubah keadaan. Hal yang seperti demikianlah yang kita kehendaki supaya wujud dalam parti kita, supaya wujud dalam gerakan kita.

Kenapa hal yang seperti demikian baru timbul sesudah umur PAS lebih 30 tahun?

Kenapa baru demikian hal yang seperti ini boleh timbul, sesudah PAS telah maju, sudah berumur lebih 30 tahun?

Waktu dulu, waktu PAS umur baru-baru, waktu kita tahun menang Pilihan Raya 9)59, menang tahun (19)64, bahkan tatkala orang-orang UMNO, orang-orang Perikatan, berusaha untuk menggulingkan Kerajaan PAS, beberapa orang PAS diculik, bawak, nampak benar orang-orang PAS pada ketika itu *solid*, kemas, padu, penuh dengan kesedaran dan solidaritas bagi menghadapi semuanya dan menyerahkan muanya kepada kebijaksanaan pemimpin yang dipilih bagi mengatasinya dan kita pun engatasi keadaan itu dengan penuh hati-hati dan tanggungjawab. Tak 'dok pernah' ang bertanya kita: "Bagaimana Dato' menyelesaikan masalah itu?". Tak perlu ditanya, tapai orang itu perlu mengambil tahu bahawa hal itu sudah pun selesai. Kerajaan PAS tidak jatuh, orang-orang yang diambil oleh Perikatan rujuk semula kepada PAS dan berbagai-bagai hal kejadian yang lain, kesemuanya berlaku dengan cara yang baik.

Alih-alih, pada ketika sekarang, sesudah PAS dilanyak sedikit oleh keadaan keadaan yang menyediakan, kita kalah pilihan raya oleh kerana kes Dato' Nasir, oleh kerana kes BERJASA dan sebagainya, timbul perpecahan (sesama) sendiri, padahal saat inilah saat perpaduan kita kehendaki. Mujurlah dalam pilihan raya yang lepas ini perpaduan sudah dapat ditingkatkan sehingga dapat kita capai kemenangan yang lebih

baik sedikit daripada masa yang telah lalu. Tapi sebenarnya penyakit perpecahan kita itu masih belum dapat diatasi dengan sebenar-benarnya. Hal yang sedemikian haruslah kita faham kalau kita nak maju dan nak jaya pada masa akan datang.

Ahli-ahli PAS Kawasan Kota Bharu, saya mengucapkan banyak terima kasih kerana saya dipilih menjadi calon dalam pilihan raya yang lepas dan dengan izin Allah saya menang dalam Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Kawasan Kubang Kerian. Itu pun satu hal yang luar biasa, tidak semuanya orang yang berkehendakkan saya menjadi calon, saya sedar, tetapi itulah yang telah berlaku hasil daripada pemilihan daripada kawasan dan hasil daripada pemilihan jawatankuasa. Hal-hal soal memilih calon dan sebagainya telah timbul beberapa perkara yang menyulitkan yang boleh menegangkan keadaan, menegangkan perasaan, tapi semuanya itu kita dapat atasi dengan cara yang baik. Saya menjadi calon di Kawasan Kota Bharu, juga menjadi calon di kawasan Parlimen di Nilam Puri, tapi Allah mentakdirkan saya menang di negeri dan kalah di Nilam Puri.

Saya dipaksa menjadi calon kedua-dua kawasan justeru oleh kerana saya adalah Yang Dipertua Agung PAS, ini harus difahami oleh ahli-ahli PAS Kawasan Kota Bharu, bahawa calon tuan-tuan sekarang berlainan daripada calon di kawasan-kawasan yang lain. Di kawasan-kawasan yang lain, yang menjadi calon ialah orang yang dipilih daripada parti di kawasan itu sendiri, tapi calon di Kawasan Kota Bharu ini, yakni di Kawasan Kubang Kerian, ialah Yang Dipertua Agung PAS. Saya ulang sekali lagi: Calon di Kawasan Kubang Kerian bukan Asri, tetapi ialah Yang Dipertua Agung PAS. Oleh kerana negeri ini negeri Kelantan dan Asri anak jati negeri Kelantan, bukan anak

anggur atau sebagainya, maka dia dicalonkan oleh kerana dia menjadi Yang Dipertua Agung PAS.

Risiko dalam pergolakan politik terpaksa ditanggung bersama, risiko dalam pergolakan politik terpaksa ditanggung bersama. Hal yang seperti demikian tidak dapat dielakkan dan inilah satu perkara pelajaran baru dalam ilmu politik yang terpaksa dipelajari oleh anak buah kita di negeri Kelantan ini khasnya. Pelajaran politik ini, saudara-saudara, ada dua saluran, yang pertama, pengalaman, dan yang kedua ialah pengetahuan. Pengalaman dan pengetahuan kadang-kadang tidak sama sejalan dan kadang-kadang bertentang antara satu sama lainnya, tetapi kedua-duanya adalah penting bagi orang-orang politik mempelajari, mengkaji dan mengamalkan cara selok-belok. Jadi, inilah, saudara-saudara sekalian, satu hal yang terpaksa kita hadapi pada masa akan datang.

Saya balik semula kepada soal bersara dari politik: Kesimpulan yang dapat saya beritahu kepada saudara-saudara setakat hari ini (ialah) bahawa belum ada keputusan daripada diri saya sendiri untuk bersara dari politik. Setakat hari ini, tidak tahu besok lagu mana, setakat saya dapat mengawal perasaan saya, maka saya terpaksa mengatakan bahawa bersara dari politik itu bergantung kepada muktamar. Jadi, setakat hari ini, belum ada keputusan yang dapat saya buat sebab muktamar pun belum sampai lagi. Bagi orang-orang yang sangat-sangat berkenan supaya saya cepat bersara, tunggulah hingga sampai kepada muktamar yang hampir tiba ini, pada masa itu bolehlah kita selesaikan dan penyelesaiannya ialah penyelesaian semua sekali apa yang bersangkut-paut dengan dirinya sebagai Yang Dipertua Agung.

Saudara-saudara para hadirin sekalian,

Saya harap Muktamar PAS Kawasan Kota Bharu ini akan dapat berjalan dengan baik, akan dapat memilih perwakilan dengan baik dan akan dapat hadir dalam muktamar agung dengan cara yang sebaik-baiknya, dengan penuh tanggungjawab, dengan penuh amanah yang diberikan oleh kita bersama. Dan, *insya'Allah*, mudah-mudahan dengan cara yang sedemikian, dan keseluruhan daripada kawasan-kawasan kita melakukan cara yang sedemikian pula, parti kita akan dirahmati oleh Allah s.w.t..

Maka, pada akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan saya mintak saudara-saudara memahami kehendak apa yang saya nyatakan tadi sekalipun sebahagian daripada ucapan saya tadi tidak putus, banyak yang tergantung, sengaja saya tinggalkan ketergantungannya untuk memberi peluang bagi saudara-saudara memikir sendiri. Maka, akhirnya, Dengan Nama Allah, Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani, saya merasmikan Muktamar Tahunan PAS Kawasan Kota Bharu.

(Sumber: Rakaman ucapan tidak berteks Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kota Bharu di Kota Bharu, Kelantan, pada 10 Oktober 1982 (tidak bertajuk))

## APENDIKS L

### Krisis Politik Kelantan 1977 Dari Perspektif PAS Kelantan

Soalan:

Bagaimana PAS masuk Barisan Nasional?

Jawapan:

Pada tahun 1969, itu sebagai *watershed* dalam *Malaysian politics*, (19)69 ada rusuhan, maka masing-masing pihak semua yang berpolitik di Malaysia mengambil sikap yang serius terhadap masa depan kita. Pada waktu itu, PAS ni *nationalist-Muslim party*, UMNO *nationalist-Malay party* dan Cina dengan keCinaan dia yang berkemuncak kepada 13 Mei. Maka kita terfikir kepada orang-orang yang memimpin politik secara bertanggungjawab dalam semua keadaan, apakah kita boleh terus-menerus begini.

Maka, pada *consensusnya*, walaupun tidak berunding, ialah mesti ada *new thinking, new approach* kepada *multi-racial politics*. Bagi Melayu, yang dominan ialah Melayu. Bagi yang bukan Melayu, konsep yang diperjuangkan oleh kebanyakan Cina masih berdasarkan kepada yang dibawa PAP/DAP, *Malaysian Malaysia*. Sedikit sebanyak MCA pun tertarik. Tetapi setelah terjadi 13 Mei, dia fikir semula, maka dia *accept* perlembagaan dengan keistimewaan orang Melayu dan sebagainya, maka kalau nak capai masing-masing tujuan pun, mestilah dengan perundingan yang beradab.

Saya balik mari (dari luar negara) tahun (19)70, akhir (19)70, maka mula berpolitik tahun (19)71, selepas 6 bulan balik Dato' Asri kecek masuk PAS. Memanglah

dari segi *track recordnya* kita rekod *Islamic* punya, PAS. Balik, saya masuk mari dalam keadaan yang nak berubah, dalam PAS. Ini merupakan satu faktor di dalam mencernakan perpaduan Melayu terhadap bangsa Melayu.

Maka kalau PAS ni tidak boleh dibawa berunding, maka tentulah tak tercapai *new formula*. *New formula* ni mari dari perbincangan hati ke hati antara Tun Razak dengan Dato' Asri yang disebut dalam sejarah (sebagai) perbincangan empat mata. Apa yang berlaku kita tak tahu, tapi nyatakan keadaan yang serius itu memaksa pemikiran baru dari segi kepimpinan Melayu, iaitu bagaimana kita nak kepada perpaduan. Nak jadikan satu parti memang *politically impossible*--tengah berlawan-berlawan, peracur-peracur nih--tapi mesti ada kerjasama.

Balik PAS pulak, selain daripada *the need of a strong Malay political voice*, dia pun ada kelemahan dia pada masa tu. Sebab PAS melihat daripada tahun (19)59, dia menang tanpa sangka-sangka hingga 2 kerusi UMNO sahaja tinggal; mari (19)64, dia majoriti besar lagi, atas dasar Melayu-Islam, dan kebetulan Melayu dalam UMNO tidak begitu jelas mempersoalkan Islam. Pemimpin UMNO, Tengku Abdul Rahman, mengatakan agama dan politik tak boleh campur dan politik Islam ini ialah masa kuno, masa unta. *These are (the) words spoken*, maka benda-benda yang macam ni tentu sekali dicabar oleh orang-orang yang ada *root* dalam Islam. Dan kalau kita tengok pula pada masa itu, UMNO ni tidak kedepangkan puak-puak orang yang beragama, dan dengan cara tu, (19)64 menang lagih, (19)69 pun menang lagih.

Dan melihat kepada pergerakan UMNO pulak, bila PAS buat satu-satu taktik, dia (pun) buat (jugak). Kita beri sekolah agama, dia ambik cikgu buat sekolah agama, dia

pun bergerak ke arah mempercakapkan Islam dan membuat perkara-perkara yang untuk *rival* PAS. Bila kita *control* tok penghulu, dia buat mari puak JKK 'gapo seremo. Maka pada satu ketika mestilah pimpinan kampung itu akan berubah, tambah-tambah dia buat mari duit.

Dengan kehendak untuk perpaduan Melayu serta (keimbangan terhadap kemerosotan pengaruh PAS di Kelantan ini), ah, merosot, memang *political orientationnya* mesti mengawal keadaan kita. Kempen pilihan raya sekali lagi selepas (19)69, kemerosotan itu akan membahayakan (kedudukan) PAS. Ini orang PAS tak tahu nih, (tapi) pimpinan memikirkan benda lagu 'tuh.

Dan UMNO pun sudah (ber)ubah--selepas hak mula-mula kemerdekaan tuh, dia duk 'cara hal politik di KL jah--*policy of education* pun sudah berubah, ada masuk hal-hal Islam. Dulu PAS saja duk ambik orang yang 'ngajar sekolah rakyat sekolah agama ni, beri gaji beri 'gapo, kita beri seluruh negeri; dulu PAS saja yang adakan peruntukan untuk wakil-wakil rakyat hak buat jalan-jalan kampung nih--kita lebih maju pada negeri UMNO pada waktu 'tuh; tetapi, setelah dia melihat benda 'ning, dia mengadakan jugak di kawasan-kawasan dia.

Apa yang Alias (Mohamed) kata tekanan kepada *leadership* kerana ACA 'gapo tuh tidak betul. Memang ada la penyiasatan, kerana dia buat, hal balak, hal Timber Mine, (tapi) tidak kerana itu (PAS menyertai Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dan Barisan Nasional). Dan dari segi orang PAS, *clean*. Dia pandai kor ataupun penyiasatan tidak cekap kor, *wallahua'lam*, tetapi pada waktu itu orang serupa Rahman Talib tu dah kena. Kalu ada kita mesti kena, tambah-tambah lawan pulak.

Dari segi rekodnya, kebersihan pemerintahan PAS, kebersihan Wakil Rakyat PAS dan kesungguhan. Kalu tanya Ustaz 'Man di Pasir Puteh, Ustaz 'Nor di Bachok, ini orang rakyat betul-betul, nak mari mesyuarat EXCO, jumpa orang tengah jalan nak 'gi Pasir Puteh, dia 'gi hantar orang duluh, apatah lagi hak sakit, duk 'bomoh 'gapo, Ustaz 'Man tu kan. Jadi kekuatan PAS sebenarnya tidak tergugat dengan ACA. Hanya pimpinan politik PAS pada waktu itu, termasuk saya, memikirkan atas dasar utama tadi, perpaduan perlu kerana negara sedang berkembang dan kecanggihan orang hak memikir lepas pada merdeka nih dikehendaki seluruh untuk menguatkan kedudukan negara.

Jadi, apabila 'gitu, kita rasakan perlu kerjasama yang formal di antara UMNO dan PAS. Tun Razak dan Tun Ismail memahami dan demo-demo orang 'ning jah tahu dalam UMNO yang kita nak buat pakatan. Bahkan perbincangan itu bermula sebelum lagi dilakukan di Sarawak, sebelum lagi di Pulau Pinang, tapi kalau dibuat di antara PAS dengan UMNO terdahulu daripada yang lain maka akan ternampak Melayu *com(ing) together*. Oleh sebab itu diberi masa dibuat dengan hak tak ada melibatkan sentimen di situ, dibuat di Sarawak, kemudian di Pulau Pinang. Makanya tidak Melayu dulu yang *clamouring to be together to be strong*. Tapi persediaan sudah ada.

Jadi, apabila saya masuk mari balik jadi Pendaftar Nilam Puri, dan memang pada waktu itu Bendahari PAS kor Penasihat Undang-Undang 'gapo tak tahu lah, maka rapat dengan Dato' Asri. Saya dapati bahawa PAS ni akan mengikut Asri dan Asri ni pulak pembantu dia yang paling kuat dan dihormat dari segi pemikiran ialah Dato' Ishak Lotfi. Dato' Ishak Lotfi ni pulak terlampaui rapat dengan Ustaz Wan Sulaiman, *my brother*. Maka empat orang 'nilah kita bincang. Mula-mula, kalu hak Barisan Nasional tuh,

bermula di rumah saya. Jadi, bila bincang lagu 'tuh, kita dapati kena buat. Pah kita fikir: "Nak kor 'dok?".

Kita rasa kalau dibuat macam tu, kita akan selamat di Kelantan dari segi *long termnya*. Kita punya fikiran serupalah Gerakan di Pulau Pinang. Sebab, dah kita jadi komponen, *the status quo will remain*. PAS jadi kerajaan sokmo pada waktu itu. Dan hak kita fikir pulak berlaku di Pulau Pinang, berlaku di Sarawak, hanya di Kelantan tak berlaku. Perbezaannya kerana UMNO tidak terlibat di Sarawak, UMNO tidak terlibat seperti dia terlibat di Kelantan di Pulau Pinang--sebab kot mana-mana dia tak 'leh *absolute majority*, dia terpaksa kena Cina jugak, maka dia tak 'leh buat serupa di Kelantan. Di Kelantan ni lagu 'tuh. Kita tak terfikir satu faktor lagi ialah Tengku Razaleigh. Dia ni berpotensi untuk (jadi) Perdana Menteri. Seorang Perdana Menteri yang tidak ada *state* tidak akan boleh jadi, *launching pad* dia tak 'dok. Itu faktor yang kedua, faktor jahat UMNO ni kita tak sangka 'gi hingga kor, yalah, Machiavellian. Mungkin itulah kelemahan kita.

Soalan:

Tak 'dok *second thought*?

Jawapan:

Tak 'dok. Tak terfikir hal 'tuh. Hanya kita fikir hak kita fikir tuh memang betul berlaku di Sarawak pah kor 'loor 'ning, dan di Pulau Pinang. Tujuan kita ialah, *after two elections, may be* PAS ni boleh *merge* dah dengan UMNO menjadi satu parti Muslim. Rupa-rupanya politik dalam kepala UMNO tidak lagu 'tuh. Mungkin Tun Razak tidak ada *plan* nak buat khianat 'kita, Tun Ismail (pun) tak 'dok, tapi nasib kitanya Tun Ismail

mati cepat dulu dari Tun Razak. Tun Razak pun mati dalam tahun 1976, iaitu *3 years* (dari tarikh terbentuknya Kerajaan Campuran Perikatan-PAS).

Masalah berpecah ni masalah UMNO Kelantan. UMNO Kelantan diketuai oleh Tengku Razaleigh, didalangi pulak oleh Hussein Seramo dan Dr Nik 'Sin. *These are (the) operators*, termasuklah Hassan Abdullah, EXCO PAS 'loor 'ning. Dia Setiausaha Keselamatan Negeri, dia yang merancangkan tagor rumah 'gapo seremo nih, sekali dengan Hussein, *with the police and all*. Jadi, yang kita tidak sangka pada masa itu ialah kerakusan UMNO di dalam, maknanya, *whatever it is*, ada *chance* kita *want* (Kelantan). Dan dia mula yang kita tak bagi *serious thought* mula-mula dalam melantik Menteri Besar dalam Barisan Nasional lagi. 'Tu yar buleh kor Dato' Nasir. Dato' Nasir ning memang kira *outsider*.

Dalam merundingkan Barisan Nasional, bagi saya cerdik PAS, PAS tak 'dok ahli 'luar (Kelantan) nung, (duk) geger jah lain daripada Kelantan nih, tetapi hasilnya setiap negeri ada (Ahli Dewan Undangan Negeri), tempat hak tak 'leh 'tanding, jauh lagi nak menang, nak 'tanding pun tak 'rok, dapat (Ahli Dewan Undangan Negeri), kecuali Johor. Itulah keadaannya.

Soalan:

Jadi perpecahan ni dari UMNO-lah?

Jawapan:

Perpecahan ni begini sahaja: Dari segi PAS, PAS *was*, kita kata, betul bedo'oh dengan harapan, kerana harapan kita perpaduan Melayu ni lebih besar. Dan kita hingga

pada masa 'tu, walaupun saya dipilih jadi Menteri Besar oleh PAS, bila Ku 'Li, Nik 'Sin dengan Hussein main kut dalam istana, Raja tak 'sir lantik 'gapo seremo ning, Tun Razak pun dipengaruhi, mugo dia orang politik jugak, awal lagih naik.

Soalan:

(Tan Sri) Abdullah Ahmad kata satu sebab Haji Wan tak disokong untuk dilantik jadi Menteri Besar ialah kerana Haji Wan tak *close* dengan istana?

Jawapan:

Itu tak 'dok. Karut. Tak timbul masalah *close* tak *close*. Saya, setelah dipilih (sebagai Menteri Besar) oleh PAS dah, Tuanku nak selaluh 14,000 ekar tanah balak nak buwi kor Bining Agung 'loor 'ning--akhirnya Dato' Nasir buwi--Tuanku Najihah, buleh 14,000 ekar, buleh *check* dalam rekod, sebagai beli undilah, *more or less*, Raja mintak. Pah tuh Dato' Nasir bagilah. Dalam EXCO.

Mula-mula tu Raja mintak dengan Asri, ghoyat kata, "Tak apalah dah Wan Semail kena pilih, hanya Mat, ingatlah", (Raja) kata, "Kita ada janji dengan Tuanku Negeri Sembilan nih". Gak Dato' Asri ghoyat kor saya, 'tu saya tahu tuh. (Saya pun) kata, "'Gininglah, masalahnya mugo Dia Raja, sapadio buleh nak melawan Raja? 'Gi masuk EXCO-lah". Lagu 'tu lah. Soal tak rapat dengan Raja tak timbul.

Soalan:

Raja bagi *approval* dahlah?

Jawapan:

'Hor, Dia nak nanti Tun Razak, sebagai Ketua Barisan Nasional. Tun Razak masa tu 'duk di Bogor, pah tuh Dollah (Ahmad) 'gi sekat dia. Tak sir 'wi 'jumpa dengan Dato' Asri, dia 'gi kor Sabah pulak. Kita ada orang hak 'jong hantar mesej kor Tun Razak. 'Pa Pasir Putehlah, hak 'duk rapat dengan Wan apa, bekas sarjan askar. Dia 'jong hantar mesej daripada Dollah Ahmad kepada Tun Razak, "Jangan layan Dato' Asri nak 'jumpa nih, nak dapat *letter (of approval)* nih".

*But Dato' Asri (was) prepared even to go to Bogor atau ke Sabah, tapi demo sekat 'gitu, tak apalah. Jadi dia tak 'leh nak makan kita 'situh. Kalu kita berkeras jugak, hancur jugak (Barisan Nasional) 'situ lagi. Maka saya berbincang dengan Dato' Asri, (saya) kata, "Ayah 'Mat, kita masuk dululah, bukan masalah nak pegang jawatan, masuk ni PAS masuk Barisan Nasional, kerjasama dengan UMNO, satu masa mungkin kita akan jadi satu. Tak apalah, 'wi kor dialah".*

Yang tragedinya, Mat Nasir ni dia calon PAS, wakil PAS, tapi dia berasa dia ning tidak orang PAS, dia orang Ku 'Li. Tapi kita tunggu tiga tahun, nak ghoyat sayangnya kita kepada konsep Barisan Nasional. Dan Barisan Nasional ni nama (dia) pun kita (hak 'jong) buwi. Mungkin dia fikir bersama jugak, tapi mari daripada kita, tak mari daripada dia, dan dacing tu pun Dato' Asrilah (hak 'jong) lukis.

Masalah perpecahan dari seluruh sejarah krisis PAS 1977, *PAS has been taking the attitude of compromy*, mula dari perlantikan yang dibuat oleh PAS dicampur-tangan oleh UMNO, kita pun terima Menteri Besar yang tidak dipilih oleh (Badan) Perhubungan

PAS Negeri. Kemudian kerana Dato' Nasir digunakan oleh UMNO, seremo hak dimasuk dalam EXCO tu dibincang dengan Ku 'Li dulu...

Soalan:

Macam mana Dato' Nasir buleh...

Jawapan:

*He is a zero, kosong. Dan dia ni baso dia suka orang puji dia 'gi dengan orang besar, dia buleh tunggu--seorang Menteri Besar PAS--tunggu Ku 'Li tu 'tangga serupa orang kampung tunggu Ku 'Li. Blank, we called him Mr Blank. And, you imagine, tiga tahun kita tolerate dia. Benda hak mesyuarat dalam EXCO, putus 'dah, dia mesyuarat orang duk baca fail belaka, fail hak tiga minggu lepas dia baru wak mari, orang lain fail baru belaka. Tidak (serupa dengan) apa yang orang fikir.*

Tapi kita mana bagitahu 'kokrang, kerana duk jaga, sayang kepada Barisan Nasional, sehinggahalah, maknanya, (UMNO) duk makan sokmo Mat Nasir nih--Ku 'Li nih, puak-puak Ku 'Li nih. Akhirnya dicari bining kor Dato' Nasir. Dato' Nasir tuh bining dia sakit--kita pun silap jugaklah, lama dia duk *suffernya*--cari buwi bining muda, maka seronok lagilah Dato' Nasirnya. Maknanya pegang *loyalty*. Maknanya *sincere* puak UMNO nih, hal peribadi pun 'caro, pah duk tegur sokmo, macam-macamlah.

Maka Dato' Nasir sudah jadi orang dia. Dia kata 'gapoh? Timber Mine nung Asri jual, pemimpin PAS ning raja balak, gadai tanah, (padahal) dia 'jong *sign*. Hak masa perjanjian Timber Mine, dia yang *sign* sebagai Timbalan Menteri Besar, nak ghoyat jenis manusia nih. Kita tolerate lagih sehinggahalah ghoyat kata gadai tanah, Asri balak, seremo

puak PAS nih balak belaka, orang PAS melaung nak marah. Tidak geger, kita tahu nya dia bukan orang *argue* bukan 'gapo, (jenis) betul. Kita panggil jelujur 'dia, serupa 'ghetok, lalu 'gitu jah, (nak) panggil ghoyat. Orang hak rapat dengan dia, Gemulah Ustaz 'Lah Baung, dia (hak) wak masuk Dato' Nasir dalam PAS duluh.

(Kita pun) setuju nak bagi tempat (baru kepada Dato' Nasir), serupa jugak gajinya, kita *create* JASA. 'Gi tengok bilik dah, beli 'khusi, beli 'gapo, setuju dah. Tak 'sir wi geger nak letak jawatan 'gitu, tiga tahun, lepas tiga tahun. 'Kong, Ku 'Li tau, (terus) tak jadi, (padahal) dalam (Badan) Perhubungan (PAS Kelantan) setuju 'dah nih. Ha, jadi, setelah dia nih tak jadi orang kita, setelah dia kata huduh pulak, setelah kita kira molek pun, dia setuju 'dah pah tak setuju pulak, habis ceritalah, maka undi tak percaya. Menang. Kalau ada sumber yang mengatakan saya punya khijo buat undi tak percaya, tak betul, kerana kerena-h-kerena-h takdilah. Menang. Ha, di situlah, UMNO pun berasa tergugatlah dia. Dia mengundi menentang, keluar dewan, rusuhan, Berehim Ali, Che' Wel Golok 'gapo seremo tuh, Wan Hashim 'gapo seremo--dia tak masuk BERJASA lagi masa 'tuh.

Nak ghoyatnya Mahathir ning, dia Timbalan Perdana Menteri, Timbalan Presiden UMNO, hari rusuhan tuh--rusuhan nih UMNO kerahlah, wak mari dengan lori dengan 'gapo seremo tuh bagitahu seremo 'dah...

Soalan:

'Bunying kata orang alik Siam pun ada jugak?

Jawapan:

'Dok. Hassan Harun dengan lori dia, macam-macamlah. Tak kiralah, ini politik. Around 'sining ning (rumah saya) bekali ada la dalam seribu dua ribu (orang). Dia wak mari belaka, Ketua Bahagian (UMNO) punya khijo. Hak 'tu Berehim 'gi bakar tayar. Berehim punya khijo. Bukan PAS, bukan puak 'ning, Berehim. Orang UMNO benar pun 'dok, Berehim jah (hak 'jong bakar tayar). Tanya dia pun dia 'ngaku.

Masa dia mula orang duk berhimpun nih daripada pukul 8 pagi, Anwar Berehim nak singgah rumah saya, dia mari lalu kut 'ning tengok orang ramai dah terus (dia) 'gi, dia dengan Dato' Ripin Daud, bekas Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, tak singgah. Daripada pukul 8 hingga pukul 1 tu orang penuh mari, *OCPD* ada, polis (ada) dalam 15 orang, Zaman Khan ada, Hanif (Omar) duk 'luar, Timbalan Ketua Polis Negara duk di Bilik Gerakan (di) Kota Bharu. *It was an operation.*

Saya telefon bila orang dah duk bidas lastik--bila tiap bidas lastik jatuh lampu 'sor bayar RM5, jiran (saya) ghoyatlah--telefon nak suruh wak tubik anak-anak jah, di bilik Gerakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri. Tak 'sir mari, tak 'leh mari. *Deputy IGP* ada duk 'situ, dia duk 'luar, Hanif. Zaman Khan duk 'dalam, *OCPD* duk 'dalam. Maka pada pukul 11 atau pukul 12, saya tembak aloh katah, dengan pistol, pah tuh dia mari rampas pistol, mari rampas pistol tuh 'gi tunjuk kut tepi tu pulak, "Gining, wak 'gining". Sharif.

Soal polis dah berlaku dengan Anwar Berehim ni 'dok pelik. Orang 'duk kata, "Kalu tak 'dok fact takkan Mahathir nak buat". 'Dok, tak 'dok fact lah tu Mahathir mari kut atas dengan helikopter orang duk tengah 'nagor (rumah saya). Pukul 9 (atau) pukul 10 (Mahathir) pergi 'jumpa dengan Berehim, dengan puak-puak pemberontak di (JKR)

10, dia tak 'dok kena-mengena dengan Kerajaan Kelantan, gi 'jumpa di (JKR) 10. Pukul 1.15 rasanya dia isytihar--dan lepas pada gas 'gapo, kut luar ning--isytihar (perintah berkurung).

Pukul 2.30 nak 'jumpa dengan puak-puak Wakil Rakyat PAS. 'Jumpalah (di) rumah Ketua Cawangan Khas, (iaitu) abang kepada (Dato') Kamarudin Jaffar, Dato' Yasin Jaffar. Orang 'gi belaka, saya tak 'gi--lepas pada 'tuh, saya pindahlah, rumah hancur nih--orang 'gi belaka. Dalam pukul 2.30 (atau) 3.00 'gitulah telefon. Saya 'duk rumah 'Ku Aziz 'Ku Hamzah, masa 'tu disewa oleh Syarikat SEDC (yang) saya jadi *chairman*--'tu Raja marah lepas pada 'tuh (tapi) marah apa (mugo) kita sewa 'benar--duduk 'situlah, semalaman kor 'gitulah.

Pah pada 'tuh, dia panggil 'gi rumah Yasin ni, puak PAS ada belaka dah, puak wakil rakyat, saya tak 'dok. Pah tuh Dato' Ishak (telefon), dia tak 'gi jugak, dia kata: "Gi la Wan Semail, orang lain ada belaka, demo 'nak kor sepatah". Bekali demo 'tu telefon la. Saya kata, "Tak apalah". Dah dia Ketua (Badan) Perhubungan PAS (Kelantan) masa 'tuh. Saya pergi, Yasin mari ambik dengan 'kheto. 'Gi, Mahathir ada, Mahathir duk 'luar, lepas 'kecek dengan demo 'ning. Pah tuh duduklah, duduk, dia pun masuk, di beranda 'gitu jah.

(Saya) kata, "Yes, Doc, apa benda yang sudah berlaku?". Dia ghoyatlah, "Dah benda dah jadi 'gining, apa ni, nampaknya tak buleh dibuat dengan cara biasa, kita kena pakai Setiausaha daripada Kuala Lumpur, Hashim Aman". (Saya pun) kata, "Look, Doc, you boleh cakap apa you nak cakap, tapi you kena ingat, you cakap kepada puak-puak yang menang, dari segi undang-undang. (Tapi) kalau you tak mahu pakai undang-undang, you tak usah cakap, you buat sajalah".

'Tu saya cakap: "*Power is with you*, orang ada dengan *you*, *you* boleh buat, *you* tak usah cakap banyak, tak muh hormat undang-undang, tak usah. Ini *convention*, undi tak percaya, *you are out*. Nak lantik siapa, ni semua ada orang PAS, ni majoriti ni, *you* lantik Wan Mat Koboi tak apa"--(Wan 'Mat Koboi) tak 'ngaji tapi dia menang sokmo-- "Lantik siapa jadi Timbalan Menteri Besar tak apa". Dia 'nak nya orang-orang dia dalam EXCO *remain*, kito seremo tak 'dok. Hussein Seramo, Che' Lat (dan) Nik Sin ada, puak kita ni tak 'dok. Seolah-olah betullah hak orang duk kata *corrupt* tuh. Saya kata, "*There is no way, you want to do (it), you do (it by) yourself*". Tak 'dok apa-apa. 'Tu jah ceritanya.

Maka kitanya dalam Parlimen pulak, kita nak jawab macam mana? Hussein (Onn) bersumpah (bahawa) Mahathir balik ghoyat kor dia (kata ada) rusuhan sungguh (di Kelantan). Mahathir 'ning lah hak orang duk kata, "kalu tak 'dok benda takkan Mahathir nak buat!". Itu contoh tak 'dok benda pun dia buat. Bila benda tu ada *self-interest* atau *party-interest*, dia buat, walaupun tak 'dok asas, dia tahu. Dia buleh peracur UMNO, sapo saja nak lawan, dia bunuh--Musa, Musa *out*; Ku 'Li, Ku 'Li *out*; UMNO, UMNO, tak kira--dia henjam habis.

Soalan:

*My impression is that the problem started as a result of a Kelantanese's ambition to become a Prime Minister.*

Jawapan:

'Dok jugak. Tu hak 'tu nombor dua. *It's party*, parti yang mempunyai dendam yang lama terhadap PAS. Dia politik ni, kot mana-mana pun dia tak siar, walaupun

saing, walaupun begapo. Politik ni dia nak menang sebab banyak *to get from the ward, from* menang ni kan. Ada luang, 'heh la. Sebab 'tu (PKN) dengan PAS ning jangan duk harap PAS nak tulong dia, 'boo lah, mana buleh, parti! Ku 'Li tu menguatkan lagi untuk benda tu terjadi. Tapi dia 'nak kor kerajaan, 'tu jah.

Soalan:

Macam mana penglibatan Mahathir sendiri?

Jawapan:

Mahathir membuat keputusan tu, dia mengiyakan benda yang berlaku. Adakah dia (buat) *planning* apa, (*that is*) *not up to me*, tapi pada masa hari yang berlaku tu, dia yang jadi tok gondol atau tok joghonya. Dollah (Ahmad) ni, dia (dulu) Setiausaha (Politik) Tun Razak (manakala) Ku 'Li (pulak) *blue-eyed boy* Tun Razak.

Hal *election, okay*. Selepas pada tu, kita diikat tangan, pada tahun (19)78 tuh, setelah darurat, diikat tangan, diikat kaki, suruh 'gocoh. *We cannot talk*, maka dia dengan propaganda dia terus-menerus, patutnya PAS matilah, tak 'leh nak bersyarah 'gapo. Dia tak 'dok *election*, dia terus darurat, kerajaan darurat, Dato' Nasir masih Menteri Besar, Hassan (Ya'acob) 'gapo jadi Timbalan Menteri Besar, orang PAS jugaklah, tapi *figure head* jahlah, boneka jahlah, buleh pencen dia 'loor 'ning. Masih ada lagih 'loor 'ning. Sebulan jah Timbalan Menteri Besar pun.

Pah tuh Dato' Nasir dilantik jadi Senator. Kabinet rombak. Mat Yaakub jadi Menteri Besar. Dia pilihan raya dulu bertanding Dewan Undangan Negeri (dan) menang. Saya 'tanding masa 'tuh di Pasir Puteh Tengah, kalah kor Raja Mahmud. Faktor utama

kekalah PAS (pada tahun) (19)78 (ialah kerana) propaganda dia terlampaui kuat dan kita tak mempunyai kebebasan kerana darurat. Macam Hashim Aman ni *civil servant*, tapi mestilah *trusted civil servant*. Satu sejarah hitamlah dalam *Malaysian's democratic practices*. BERJASA ni adalah tajaan UMNO.

Soalan:

Macam yang 'tanding tiga segi tu memang (tujuannya) nak 'pecah undikah?

Jawapan:

Tidak. Dia puak-puak penyokong Dato' Nasir ni pun tidak diterima oleh UMNO, orang UMNO mana terima orang luarnya. Tapi, dia tahu, dia tahu dia tidak akan menang kalu dengan dia sendiri--serupa hak S46 dengan UMNO 'nilah. Dia buat BERJASA ni tajaan dia. Dato' Nasir ni jujur, nak buat golok, tetak puak-puak 'ning ni kena BERJASA la, pah pada 'tuh mapuh, habis, tak 'doklah. Cara dialah.

Wan Hashim sorang (jah) Tok Wakil PAS hak masuk BERJASA 'tanding dalam Pilihan Raya Negeri (19)78 selain Dato' Nasir. Tapi hak tak 'tanding ada la, Wan Hassan, bekas EXCO PAS, sokong dia. Dari segi (hak) tokoh PAS betul-betul, tak 'dok. Maknanya BERJASA ditubuh di atas tajaan UMNO untuk menjadi alat untuk memecahkan undi PAS, menarik orang PAS, atas propaganda Dato' Nasir ni jujur, puak-puak Asri tak betul, tak jujur, *corrupt 'gapo seremo*. Kedua(-dua parti) tu bergabung dan kita tak 'leh nak berkecek banyak.

Dato' Ishak ni *led PAS's forcenya*. Sebenarnya, dari segi puak-puak guru kampung, Dato' Ishak is more influential. Dia jadi nazir sekolah-sekolah agama, pondok-

pondok kampung, tu sebelum masuk politik *together with my brother* (dan) Nik Adib, Kadi Besar (yang) berhenti (kerana) 'balah dengan Haji Ahmad Maher. Puak 'nilah yang menghidupkan PAS-nya kerana ia *control* kampung, *control* sekolah agama, *control* pondok, *control* tok guru. Ni jah 'palanya. Dia duk *control* MAIK masa 'tuh. Semua sekolah agama, tok guru pondok, ustaz, 'jong kutip fitrah, tok imam, orang dia belaka.

(Sumber: Wawancara dengan Wan Ismail Ibrahim

di kediaman beliau pada 22 April 1999)

## APENDIKS M

### Krisis Politik Kelantan 1977 Dari Perspektif UMNO Kelantan

Sejak dari awal lagi Tengku Razaleigh tidak begitu ghairah dengan gagasan kerajaan campuran di Kelantan. Pada perkiraan beliau, UMNO mampu menguasai negeri itu melalui Pilihan Raya Umum 1974. Oleh itu, UMNO tidak memerlukan PAS sebagai rakan kongsi untuk memerintah Kelantan. Namun begitu, disebabkan idea penubuhan kerajaan campuran ini merupakan sebahagian daripada strategi politik Tun Abdul Razak, maka Tengku Razaleigh dan UMNO Kelantan terpaksa menerima kehadiran kerajaan campuran tersebut walaupun ia dengan sendirinya telah membantutkan usaha dan harapan UMNO untuk memerintah negeri Kelantan. Ini memandangkan PAS merupakan sekutu dominan dalam struktur kerajaan campuran di negeri itu.

Selain itu, gagasan ini juga telah menyempitkan peluang Tengku Razaleigh untuk meneruskan peranannya sebagai penaung politik substantif. Walhal Tengku Razaleigh penuh yakin bahawa tindakannya mewujudkan gagasan *political party-directed patronage* dan "membawa" pembangunan ke negeri itu (sebelum pembentukan kerajaan campuran) telah berjaya mendekatkan dirinya dan UMNO Kelantan dengan para pengundi Melayu di negeri tersebut. Namun demikian, dengan kedudukan PAS yang dominan ini, maka Tengku Razaleigh terpaksa menerima hakikat bahawa PAS mempunyai kelebihan berbanding dengan UMNO dalam menentukan pengagihan peruntukan pembangunan di negeri Kelantan, sama ada yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri. Ini sekaligus membawa erti bahawa PAS

mempunyai banyak peluang untuk memperolehi manfaat politik daripada suasana yang wujud itu.

Sebagai tokoh politik yang berwawasan, kewujudan kerajaan campuran tidak pula mengurangkan usaha beliau untuk "menghancurkan" PAS dan membebaskan Kelantan daripada gejala kemiskinan dan kemunduran yang sememangnya menjadi tujuan utama keterlibatannya di dalam politik berparti. Oleh itu, dalam suasana politik Kelantan yang aman dan tenang ini, Tengku Razaleigh telah meneruskan tindakan politiknya dengan "turun ke bawah", iaitu mengunjungi mana-mana kawasan yang selama ini menjadi kubu kuat PAS. Hasilnya, melalui perjumpaannya dengan rakyat tempatan, beliau telah berpeluang mengesan kekuatan dan kelemahan PAS pada setiap peringkat. Di samping itu, melalui pertemuan ini juga, beliau dapat melihat dan memahami betapa rakyat Kelantan amat berminat dengan isu dan hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan. Justeru, politik pembangunan masih lagi dilihat sebagai strategi terbaik untuk UMNO memenangi hati rakyat Kelantan.

Sehubungan dengan ini, kegiatan politik Tengku Razaleigh di Kelantan menjadi lebih mudah lagi memandangkan pada ketika yang sama Dato' Mohd Asri (yang selama ini menjadi sumber kekuatan PAS) sudah pun "meninggalkan" negeri tersebut. Ini berikutan dengan perlantikan beliau sebagai Menteri di dalam Kabinet Persekutuan ekoran daripada penubuhan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di semua peringkat. Oleh itu, berbeza dengan Dato' Mohd Asri yang telah mulai hilang kawalannya ke atas Kelantan, Tengku Razaleigh sebaliknya telah menggunakan pula era kerajaan campuran ini untuk memperkuuhkan kedudukan UMNO dan dirinya di dalam proses politik tempatan.

Meskipun kegiatannya yang aktif (di kawasan PAS) ini mungkin dianggap tidak wajar memandangkan UMNO dan PAS telah bersekutu dalam kerajaan campuran, namun Tengku Razaleigh tetap yakin bahawa PAS juga tidak jujur dalam hal ini. Keyakinan beliau ini jelas terbukti apabila pada waktu yang sama pengaruh PAS juga telah berkembang di kawasan-kawasan milik UMNO, khususnya di luar Kelantan. Akhirnya, hasrat Tengku Razaleigh hendak melemahkan PAS dan menjadikan UMNO sebagai parti dominan di dalam politik Kelantan kian menjadi nyata apabila kedua-dua parti itu bergabung di dalam gagasan Barisan Nasional dan memenangi Pilihan Raya Umum 1974. Menyedari bahawa UMNO berada di pihak yang lemah sekiranya PAS terus diberi peluang "menerajui" Kerajaan Negeri, maka Tengku Razaleigh dan UMNO Kelantan tidak mempunyai pilihan yang lain kecuali melakukan sesuatu tindakan yang boleh memberi keuntungan kepada UMNO tanpa mengubah struktur yang sedia ada.

Berkaitan dengan hal ini, suatu yang perlu dijelaskan (adalah) bahawa, dalam struktur yang sedia wujud itu, UMNO/Perikatan hanya diperuntukkan sebanyak 14 kerusi (termasuk satu untuk MCA) sahaja manakala PAS pula telah diberikan sebanyak 22 kerusi. Oleh itu, bagi memastikan UMNO mempunyai "suara yang kuat" dalam Kerajaan Barisan Nasional di negeri Kelantan maka pihak UMNO tidak mempunyai pilihan kecuali memastikan Menteri Besar (dari kalangan ahli PAS) yang bakal dilantik itu boleh "bekerjasama" dengan parti tersebut. Bahkan keadaan akan menjadi lebih baik lagi sekiranya Menteri Besar itu berada di bawah "pengaruh" UMNO. Jika ini berlaku maka ia memudahkan lagi tugas UMNO melaksanakan politik pembangunan di negeri itu dan ini sekaligus mempertingkatkan sokongan masyarakat Melayu Kelantan terhadapnya.

Berasaskan kepada pemikiran ini, UMNO Kelantan telah mendekati dan "melobi" Istana Kelantan terlebih dahulu sebelum pihak PAS mengemukakan calonnya kepada Sultan untuk diperkenankan sebagai Menteri Besar. Melalui hubungan kekeluargaan di antara Tengku Razaleigh dan Istana Kelantan, UMNO telah mengemukakan nama Dato' Haji Mohamad Nasir (Timbalan Menteri Besar) sebagai calon Menteri Besar Kelantan yang baru. Baginda Sultan juga turut dimaklumkan bahawa Tun Abdul Razak telah pun merestui pemilihan tersebut. Akibatnya, PAS terpaksa bersetuju apabila Sultan menerima calon pilihan UMNO Kelantan itu dan terpaksa juga berpuas hati dengan perlantikan calonnya (Wan Ismail Ibrahim) sebagai Timbalan Menteri Besar Kelantan.

Dalam hal ini, pihak PAS, khususnya Dato' Mohd Asri, amat memahami permainan politik UMNO Kelantan. PAS juga melihat tindakan ini merupakan suatu usaha UMNO untuk melemahkannya di Kelantan yang selama ini merupakan pengkalan kuasanya. Malah, jauh dari itu, PAS juga melihat "perangkap politik" ini sebagai suatu strategi jangka panjang Tengku Razaleigh untuk "meletakkan" dirinya sebagai bakal calon Perdana Menteri Malaysia. Putera raja itu mahu mempertingkatkan populariti dan imejnya melalui kemerosotan pengaruh PAS di Kelantan. Namun begitu, kerana didorongi oleh hasrat ingin melihat perpaduan UMNO dan PAS terus berkekalan di dalam gagasan politik baru (iaitu Barisan Nasional) serta sikap "malu mata" dan "malu alah" (rasa hormat yang tinggi) kepada Tun Abdul Razak, maka pihak PAS dan Dato' Mohd Asri telah bertolak-ansur dalam hal yang berkaitan dengan perlantikan Menteri Besar ini.

Pada waktu yang sama, pihak UMNO juga menyedari bahawa Dato' Haji Mohamad Nasir bukanlah merupakan pilihan terbaik (daripada kalangan pemimpin PAS

Kelantan) untuk menerajui Kerajaan Negeri yang sedang memasuki arus pembangunan pada waktu itu. Namun begitu, disebabkan sifat "betul lurus" serta warak yang ada pada dirinya maka beliau telah dilihat sebagai calon yang boleh dan mudah diajak bekerjasama dengan kepemimpinan UMNO Negeri serta bersesuaian pula dengan citacita politik Tengku Razaleigh dan UMNO Kelantan sendiri. Akhirnya, sangkaan PAS itu semakin lama semakin menjadi kenyataan apabila Menteri Besarnya itu semakin jauh daripada partinya sendiri. Malahan, banyak tindak-tanduk politiknya (serta urusan pentadbiran negeri) telah memberi lebih banyak keuntungan kepada UMNO.

Kemuncak rasa tidak puas hati PAS ini timbul apabila Tengku Razaleigh menjadi "tempat rujukan" Menteri Besar tersebut dan beliau sendiri mahu mengidentifikasi dirinya sebagai Menteri Besar Barisan Nasional dan bukannya Menteri Besar PAS. Lanjutan daripada keadaan ini, pihak PAS Kelantan tidak mempunyai pilihan lain kecuali memaksa beliau meletakkan jawatan melalui undi tidak percaya di Dewan Undangan Negeri pada Oktober 1977. Akibatnya, kedudukan Kerajaan Barisan Nasional Kelantan telah tergugat apabila pihak UMNO menentang tindakan itu.

Dalam keadaan begini, Dato' Mohamad Nasir juga tidak mempunyai pilihan kecuali meminta pihak Istana Kelantan membubarkan Dewan Undangan Negeri. Namun begitu, seperti yang dapat diduga, tindakan ini tidak mungkin berlaku memandangkan UMNO Kelantan belum bersedia untuk terlibat dengan proses pilihan raya yang baru. Ikatan kekeluargaan di antara Tengku Razaleigh dan Pemangku Sultan telah "dilihat" ramai sebagai punca yang menghalang pembubaran tersebut. Sebaliknya, apa yang berlaku (ialah) Kelantan telah diisyiharkan darurat oleh Kerajaan Persekutuan. Ini berikutan daripada kekacauan yang berlaku ekoran daripada bantahan rakyat terhadap

tindakan PAS ke atas Menteri Besarnya itu. Walau bagaimanapun, kekacauan ini pada "tanggapan" umum merupakan suatu tindakan yang telah didalangi oleh pihak UMNO.

Perlaksanaan undang-undang darurat (yang diikuti dengan penubuhan "Kerajaan ala MAGERAN" di Kelantan) langsung tidak memberikan kesan kepada UMNO. Sebaliknya, Tengku Razaleigh dan UMNO telah melakukan beberapa *maneuver* politik bagi tujuan mempersiapkan diri untuk menghadapi Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Kelantan yang baru. Salah satu tindakan yang telah diambil ialah mendorong Dato' Haji Mohamad Nasir supaya menubuhkan parti politik baru bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh PAS setelah parti itu meninggalkan gagasan Barisan Nasional berikutan perlaksanaan undang-undang darurat tersebut. Akhirnya, pada Disember 1977, Barisan Jamaah Islamiah Se-Malaysia (BERJASA) telah ditubuhkan, tetapi Tengku Razaleigh tidak pula segera membawanya menjadi kerabat Barisan Nasional. Sebaliknya, BERJASA telah "digunakan" untuk memecah-belahkan perpaduan di kalangan para penyokong PAS.

Melihatkan perpecahan begitu ketara sekali, maka UMNO Kelantan segera memanfaatkan suasana yang wujud itu bagi kepentingan politiknya. Selepas beberapa bulan berada di bawah pemerintahan "ala MAGERAN", rakyat Kelantan telah dikejutkan dengan pilihan raya di peringkat negeri yang baru ekoran daripada pembubaran Dewan Undangan Negeri oleh Pemangku Sultan Kelantan. Walaupun Baginda berkuasa penuh dalam hal tersebut, namun, pada pandangan umum, terutamanya para penyokong PAS, Tengku Razaleigh dan UMNO telah berada di sebalik tindakan itu, dan ini dilakukan apabila pihak UMNO yakin bahawa Kelantan boleh jatuh ke tangannya secara legal dan demokratik.

Dalam suasana begini, pihak PAS terpaksa menerima hakikat bahawa tanpa kuasa maka harapan parti itu untuk memenangi pilihan raya yang diadakan secara mengejut merupakan suatu tugas yang amat sukar untuk dilaksanakan. Ini terbukti apabila pilihan raya diadakan pada Mac 1978, (di mana) PAS hanya mampu memenangi 2 buah kerusi sahaja daripada 36 kawasan yang dipertandingkan. Kekalahan ini pada penelitian PAS tidak sahaja berpunca daripada perpecahan di kalangan para penyokong PAS sendiri, tetapi juga mempunyai pertalian yang rapat dengan persoalan *rules of the game* yang berada di bawah kawalan Tengku Razaleigh.

Dalam hal ini, kemampuan Tengku Razaleigh tidak semata-mata terhad kepada penentuan tarikh pembubaran Dewan Undangan Negeri sahaja. Sebaliknya, beliau juga mampu mengemukakan serta melaksanakan suatu formula yang tidak sahaja memberi peluang kepada UMNO untuk memenangi pilihan raya tersebut, tetapi turut juga menjadikan UMNO parti dominan di dalam "kerajaan campuran" yang bakal dibentuk dengan BERJASA. Ini kerana, melalui formula tersebut, pihak BERJASA hanya dibenarkan bertanding secara satu lawan satu dengan PAS di 12 kawasan sahaja dan semua kawasan itu merupakan kubu kuat PAS. Oleh itu, sekiranya BERJASA memenangi kesemua kerusi tersebut, parti ini tetap juga merupakan rakan yang tidak berpengaruh di dalam kerajaan campuran yang bakal dibentuk. Sebaliknya, jika sebilangan besar kerusi yang dipertandingkan itu jatuh ke tangan PAS, parti itu tetap juga tidak berpeluang untuk membentuk kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, melihatkan kepada sikap dan penerimaan rakyat Kelantan terhadap PAS pada ketika itu, UMNO Kelantan cukup yakin bahawa pilihan raya mengejut ini tidak memungkinkan PAS kembali untuk berkuasa semula. Justeru,

UMNO/Barisan Nasional hanya bertanding satu lawan satu dengan PAS di 11 kawasan sahaja (termasuk satu kawasan yang diwakili oleh calon MCA), iaitu di kubu tradisinya. Manakala di 13 kawasan lagi (yang mana PAS mempunyai peluang memenanginya), pihak UMNO Kelantan telah membenarkan BERJASA turut serta di dalam pertandingan tiga penjuru. Melalui strategi ini, UMNO Kelantan percaya bahawa kemenangan di 13 kawasan itu tetap berpihak kepadanya memandangkan perpecahan yang sedang berlaku di kalangan para penyokong PAS.

Akhirnya, ternyata bahawa perhitungan politik Tengku Razaleigh dan UMNO telah memberikan keuntungan kepada mereka. Dengan kemampuannya "memperalatkan" BERJASA, UMNO telah berjaya memenangi kesemua kawasan yang ditandinginya melalui tiga penjuru. Manakala di 11 kawasan lagi (di mana calon UMNO berhadapan satu lawan satu dengan PAS), parti itu telah tewas di satu kawasan sahaja. Dengan ini, jumlah kerusi yang dimenangi oleh pihak UMNO/Barisan Nasional ialah sebanyak 23 kerusi. Manakala pihak BERJASA pula hanya mampu mempertahankan 11 daripada 12 kerusi yang diperuntukkan kepadanya setelah satu kerusi jatuh ke tangan PAS. Oleh yang demikian, dengan majoriti kerusi yang berpihak kepada UMNO ini maka Tengku Razaleigh sekaligus telah berjaya meletakkan Kerajaan Kelantan berada di bawah kawalannya.

(Sumber: Mohd Ali Kamarudin (1998). Penaungan Dalam Kepemimpinan Politik Melayu: UMNO Kelantan 1946-1990. Universiti Malaya. Hlm. 340-351).